

"ORANG-orang yang layak mengimarahkan masjid-masjid Allah itu hanyalah mereka yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, mendirikan sembahyang dan membayar zakat serta tidak takut melainkan kepada Allah. (Dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka mudah-mudahan mereka termasuk dalam golongan yang mendapat petunjuk".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah at-Taubah, ayat 18.

KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP PANGLI MA KOPASSUS TNI-AD



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Panglima Komando Pasukan Khusus Tentara Nasional Indonesia Angkatan Darat (KOPASSUS TNI-AD), Yang Terhormat Letnan Jenderal TNI Djon Afriandi, S.I.P., MS.DA yang berlangsung di Istana Nurul Iman. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid (*Lihat muka 3*).



Berita Utama



Perutusan tahniah sempena Hari Kebangsaan Thailand



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua, Raja Thailand, kesemua kerabat diraja dan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri Thailand, Tuan Yang Terutama Anutin Charnvirakul.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 5 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua, Raja Thailand, kesemua kerabat

diraja dan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri Thailand, Tuan Yang Terutama Anutin Charnvirakul serta kerajaan dan rakyat Thailand bersempena dengan Hari Kebangsaan negara tersebut.



Capai matlamat utama, harumkan nama negara

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, kita sekali lagi dapat berhimpun pada pagi ini bagi Majlis Penyerahan Bendera kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33, Bangkok, Chonburi dan Songkhla, Thailand 2025. Selawat dan salam, ke atas Rasul Junjungan kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, sahabat-sahabat, serta pengikut-pengikut Baginda, yang taat lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu saya sukacita ingin merakamkan, ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Kebudayaan,

Belia dan Sukan di atas sokongan yang diberikan kepada Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) bagi menghantar satu kontinjen seramai 65 atlet iaitu 42 atlet lelaki dan 23 atlet wanita dalam sembilan acara sukan iaitu *aquatics swimming*, karate, netball, pencak silat, polo, sepak takraw, tae kwan do, *weightlifting* dan wushu.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua atlet-atlet yang terpilih bagi mewakili negara, setelah melalui proses pencalonan yang dinilai oleh Jawatankuasa Tertinggi Penilaian dan Pemilihan.

Saya juga amat berbangga kerana atlet-atlet yang terpilih adalah atlet-atlet kebangsaan negara yang terbaik dalam sukan masing-masing dan ini adalah kesempatan bagi atlet-atlet untuk membuktikan kebolehan mereka sebagai atlet terbaik negara yang bukan sahaja boleh memberikan saingan kepada pasukan

lawan, malah ini adalah kesempatan bagi atlet-atlet untuk mencapai matlamat utama mereka dengan memperoleh pingat dan seterusnya mengharumkan nama mereka dan nama negara di Sukan SEA nanti. Jadinya, janganlah disia-siakan kesempatan yang diamanahkan dan diberikan ini.

Sementara itu, seramai 14 orang jurulatih, 20 orang pegawai urus setia termasuk seorang Chef de Mission dan Assistant Chef de Mission akan turut mengiringi atlet-atlet kebangsaan kita di Sukan SEA Ke-33 nanti.

Di sini, saya ingin mengingatkan atlet-atlet dan pegawai-pegawai kontinjen negara untuk menjauhkan diri dari apa jua bahan-bahan terlarang serta mematuhi akta dan peraturan *anti-doping* yang dikuatkuasakan oleh World Anti-Doping Agency (WADA) dan seterusnya akan sentiasa menanai tanggungjawab yang diamanahkan dengan baik dan sempurna serta menunjukkan disiplin yang tinggi semasa berada di Sukan SEA nanti demi menjaga nama baik NBD.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengingatkan semua pegawai-pegawai dan jurulatih-jurulatih kontinjen kita untuk memastikan dan menjaga keselamatan atlet-atlet kita dari sebarang gangguan mental dan fizikal dan penderaan, sama seperti matlamat perlindungan atlet (*safeguarding athlete*) yang mana BDNOC sentiasa mengambil berat mengenainya.

Akhirnya saya berdoa semoga kontinjen negara yang terdiri dari atlet-atlet, jurulatih dan pegawai akan sentiasa sihat walafiat dan dalam peliharaan Allah Subhanahu Wata'ala.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33, 2025 pada Selasa, 25 November 2025, bertempat di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Amin.

Sekian.

Wabillahit

Taufik

Wassalamualaikum

Wabarakatuh.

Walhidayah

Warahmatullahi

WAKTU SEMBAHYANG										
DISEMBER	HARI	JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
6	SABTU	15	4.43	4.53	6.16	6.40	12.12	3.34	6.07	7.21
7	AHAD	16	4.43	4.53	6.16	6.40	12.13	3.34	6.07	7.22
8	ISNIN	17	4.43	4.53	6.17	6.41	12.13	3.35	6.07	7.22
9	SELASA	18	4.44	4.54	6.17	6.41	12.14	3.35	6.08	7.22
10	RABU	19	4.44	4.54	6.18	6.42	12.14	3.36	6.08	7.23
11	KHAMIS	20	4.45	4.55	6.18	6.42	12.14	3.36	6.09	7.23
12	JUMAAT	21	4.45	4.55	6.19	6.43	12.15	3.37	6.09	7.24

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI										
SABTU	AHAD	ISNIN								
Bandar Seri Begawan										
31 24 °C	31 24 °C	30 24 °C								
Pekan Bangar										
30 24 °C	30 24 °C	30 24 °C								
Pekan Tutong										
31 24 °C	30 24 °C	30 24 °C								
Kuala Belait										
30 24 °C	30 24 °C	30 24 °C								

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 6 DISEMBER 2025

Fahami, bantu, bimbing golongan OKU

ALHAMDULILLAH, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana bernaung dalam sebuah negara yang sentiasa *mengalinga* dan menyantuni rakyat dan penduduknya tanpa mengira latar belakang, termasuklah juga terhadap golongan Orang Kelainan Upaya (OKU). Kebajikan dan kesejahteraan OKU di negara ini sentiasa dititikberatkan semata-mata untuk membentuk keselamatan yang menyeluruh dan saksama untuk semua rakyat dan penduduk di negara ini.

Takrif OKU ialah seseorang yang mempunyai kecacatan jangka panjang dari segi kelakuan, komunikasi, perkembangan, fizikal, mental, intelek, deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan efektif mereka dalam masyarakat.

Sejak penguatkuasaan Perintah OKU pada 1 Oktober 2021, seramai 5,443 OKU telah mendaftar dalam Pendaftaran Kebangsaan OKU. Manakala, seramai 7,615 orang menerima Elaun Kurang Upaya (EKU), termasuk 1,195 orang menerima dua faedah, iaitu Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya. Selain itu, 3,164 orang juga menerima Elaun Penyediaan Penjagaan (EPP), iaitu bantuan khas kepada penjaga OKU.

Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam (NBD), melalui usaha secara Whole of Nation sentiasa aktif menekankan kepentingan untuk melindungi dan memperjuangkan hak OKU. Antara inisiatif dan pencapaian tahun ini ialah penubuhan sebuah Task Force Pelekat Kenderaan OKU, yang dipengerusikan bersama oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi meneliti tatacara penguatkuasaan penggunaan letak kereta OKU ke arah memperkukuh aksesibiliti dan melindungi hak OKU.

Pengeluaran Siri Wang Kertas Keluaran Baharu NBD yang akan diedarkan mulai 2026, oleh Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), yang menampilkan ciri DOMINO™ berupa titik timbul untuk membantu OKU penglihatan mengenal pasti denominasi, yang dibangunkan dengan kerjasama Brunei Darussalam National Association of the Blind (BDNAB) sebagai usaha negara meningkatkan akses pembayaran untuk semua.

Kita selaku masyarakat yang prihatin dan penyayang hendaklah sedar dan ingat bahawa kehadiran golongan OKU di dunia ini hendaklah difahami, dibantu dan dibimbing supaya mereka berasa dikasihi, dihargai dan tidak berasa disisihikan oleh masyarakat agar mereka dapat menjalani dan meneruskan kehidupan ini dengan lebih baik dan lebih sejahtera.

Apa pun kekurangan yang dihadapi oleh mereka adalah ketetapan daripada Allah Subhanahu Wata'ala sebagai ujian. Jika mereka bersabar, mereka akan mendapat pahala. Begitu juga dengan ahli keluarga dan pihak yang menjaganya. Marilah kita sama-sama berusaha mempertingkatkan kualiti kehidupan mereka untuk memperkukuhkan kesejahteraan mereka di samping memastikan golongan ini akan terus menyambung ke arah peningkatan sosial, kemajuan ekonomi, kemakmuran negara dan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035. - **Ketua Penyuntingan (Ad)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap Panglima KOPASSUS TNI-AD

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Muhammad Asri Haji Awang Abas



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Panglima Komando Pasukan Khusus Tentara Nasional Indonesia Angkatan Darat (KOPASSUS TNI-AD), Yang Terhormat Letnan Jenderal TNI Djon Afriandi, S.I.P., MS.DA (kiri dan atas).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan menerima mengadap Panglima Komando Pasukan Khusus Tentara Nasional Indonesia Angkatan Darat (KOPASSUS TNI-AD), Yang Terhormat Letnan Jenderal TNI Djon Afriandi, S.I.P., MS.DA. Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul

Iman, di sini. Menyertai Panglima KOPASSUS TNI-AD, Atase Pertahanan di Kedutaan Besar Republik Indonesia di Negara Brunei Darussalam (NBD), Kolonel Inf Gamma Arthadilla Sakti. Yang Terhormat Letnan Jenderal TNI Djon Afriandi dan rombongan berada di NBD bagi lawatan rasmi selama empat hari bermula dari 2 hingga 5 Disember 2025, bersempena dengan pelaksanaan Ekseksais Petir Sakti 09/2025, latihan bersama KOPASSUS TNI-AD dan Rejimen Pasukan Khas

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang bermula pada dari 24 November 2025 hingga 5 Disember 2025.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima pesambah.

BERKENAN MENERIMA MENGADAP PERPISAHAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Laurence Bay yang akan menamatkan perkhidmatan (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi

berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Laurence Bay yang akan menamatkan

perkhidmatan.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.

Tuan Yang Terutama Laurence Bay menyampaikan Surat Tauliah

Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 13 September 2023.



PERUTUSAN TAKZIAH KEPADA REPUBLIK INDONESIA

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah

berkenan menghantar titah perutusan takziah kepada Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Prabowo

Subianto; kerajaan dan rakyat Republik Indonesia berikutan dengan kejadian banjir dan tanah susur yang melanda beberapa kawasan

di Wilayah Sumatera, baru-baru ini, yang mengakibatkan kehilangan nyawa, kecederaan dan kerosakan harta benda.

Berkenan hantar titah perutusan takziah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan takziah kepada

Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping dan Chief Executive Hong Kong Special Administrative Region,

Tuan Yang Terutama John Lee Ka-chiu dan keluarga-keluarga mangsa yang terlibat berikutan dengan kejadian kebakaran kompleks pangsapuri di Wang Fuk Court, Tai Po, Hong Kong Special Administrative Region baru-baru ini.

Menerima mengadap Panglima KOPASSUS TNI-AD



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee

Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan



Perdana Menteri, hari ini, berkenan menerima mengadap Panglima Komando Pasukan Khusus Tentara Nasional Indonesia Angkatan Darat (KOPASSUS TNI-AD), Yang Terhormat Letnan Jeneral TNI Djon Afriandi, S.I.P., MS., DA.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Qashr Al-Meezan.

Yang Terhormat Letnan Jeneral TNI Djon Afriandi dan rombongan berada di Negara Brunei Darussalam bagi Lawatan Rasmi selama empat hari,

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Panglima Komando Pasukan Khusus Tentara Nasional Indonesia Angkatan Darat (KOPASSUS TNI-AD), Yang Terhormat Letnan Jeneral TNI Djon Afriandi, S.I.P., MS., DA (kiri dan kiri sekali).

bermula dari 2 hingga 5 Disember 2025, bersempena dengan pelaksanaan Ekseksis Petir Sakti 09/2025, latihan bersama KOPASSUS TNI-AD dan Rejimen Pasukan Khas, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang diadakan bermula pada 24 November 2025 hingga 5 Disember 2025.

NBD meneruskan saingan menentang Malaysia

Oleh : Srinarawie Bidzah
Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan SEA Ke-33

BANGKOK, Khamis, 4 Disember. - Pasukan Polo Negara Brunei Darussalam (NBD) hari ini meneruskan lagi saingan pada Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33, 2025 dengan menentang Pasukan Polo Malaysia yang berlangsung di Vs Sports Club and Polo Siam Park, Samut Prakan, Bangkok Thailand. Sebelum itu, perlawanan antara Republik Filipina menentang Republik Indonesia diadakan pada pukul 4.00 petang (waktu Bangkok).

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat bagi menyaksikan Perlawanan Polo di antara Pasukan Polo NBD menentang

Pasukan Polo Malaysia. Berangkat bagi menjunjung Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah menyaksikan Perlawanan Polo tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Pengurus Pasukan Polo Negara.

Berangkat mewakili Pasukan Polo NBD, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal


Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Juga berangkat menyertai, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Dalam perlawanan *chukka* pertama menyaksikan Pasukan Polo NBD mendapat satu mata melalui Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; sementara Pasukan Polo Malaysia pula mendapat dua mata.

Manakala pada perlawanan *chukka* kedua pula kedudukan mata masih sama dan seterusnya perlawanan *chukka* ketiga, menyaksikan Pasukan Polo NBD memperoleh tiga mata tambahan melalui Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar dan Farid Abdullah. Manakala Pasukan Polo Malaysia juga memperoleh tambahan tiga mata.

Sementara pada perlawanan *chukka* keempat pula, Yang Amat



BERANGKAT mewakili Pasukan Polo Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Juga berangkat menyertai, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Mulia Pengiran Muda Bahar berjaya mengutip mata bagi Pasukan Polo NBD dengan lima mata, manakala Pasukan Polo Malaysia mendapat enam mata

dengan keputusan akhir Pasukan Polo NBD memperoleh lima mata manakala Pasukan Polo Malaysia memperoleh enam mata.

>> Muka 5

BERANGKAT MENYERTAI PERLAWANAN POLO



BERANGKAT mewakili Pasukan Polo Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Juga berangkat menyertai ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah (kiri dan kanan).

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan SEA Ke-33, Muash Rosman

BANGKOK, Rabu, 3 Disember. - Pasukan Polo Negara Brunei Darussalam (NBD) memulakan saingan Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33, 2025 dengan melawan Pasukan Polo Thailand.

Dalam perlawanan peringkat

Kumpulan 'A' tersebut, Pasukan Polo NBD kalah kepada Thailand dengan keputusan 7.5-7 dalam empat *chukka* pada aksi yang berlangsung di Padang Vs Sports Club, Samut Prakan, Bangkok, Thailand.

Berangkat mewakili Pasukan

Polo NBD ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Juga berangkat menyertai ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Pada perlawanan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul

Mateen menjaringkan satu gol dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar berjaya menjaringkan satu gol dan dua gol penalti.

Sementara itu, satu gol dan dua gol penalti dihasilkan oleh Farid Abdullah.

Dalam perlawanan lain, Pasukan Polo Malaysia berjaya mengalahkan Pasukan Polo Republik Indonesia dengan keputusan 8-4.

Pasukan Polo NBD akan meneruskan saingannya dengan menentang Pasukan Polo Malaysia pada hari Khamis, 4 Disember 2025 di Padang Vs Sports Club.

Sukan SEA merupakan antara kejohanan sukan paling berprestij di rantau Asia Tenggara dan edisi kali ini berlangsung di Bangkok serta dua wilayah lain iaitu Chonburi dan Songkhla, Thailand dari 9 hingga 20 Disember 2025.

Pada edisi kali ini, NBD menghantar seramai 135 kontinjen, termasuk 65 atlet yang akan bertanding dalam sembilan acara sukan daripada 54 acara yang dipertandingkan.

Acara sukan tersebut ialah akuatik renang, angkat berat, bola jaring, karate, pencak silat, polo, sepak takraw, tae kwan do dan wushu.

NBD meneruskan saingan menentang Malaysia

>> Muka 4

Pada aksi tersebut, Pasukan Polo Brunei Darussalam mempamerkan persembahan bertenaga walaupun tewas tipis 6-5 kepada Malaysia. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen membuka jaringan awal melalui satu *field goal* dan sepanjang *chukka* pertama hingga *chukka* keempat, kedua-dua pasukan menampilkan permainan seimbang dengan saling berbalas serangan.

Pada *chukka* terakhir, Pasukan Polo Malaysia meningkatkan tekanan dan mendahului 5-4. Namun, dalam minit-minit akhir, Yang Amat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Bahar berjaya menyempurnakan penalti 40 yard untuk menyamakan kedudukan 5-5. Pasukan Polo Malaysia kemudian menjaringkan gol kemenangan pada saat-saat terakhir, menjadikan keputusan muktamad 6-5.

Walaupun kalah tipis, pasukan negara menunjukkan semangat juang tinggi dan tahap kompetitif

yang konsisten sepanjang perlawanan. Pasukan Polo NBD kini berada dalam kelompok empat teratas daripada lima pasukan dan layak ke separuh akhir berdasarkan jumlah jaringan keseluruhan (*goals for & against*). Pasukan Polo Republik Indonesia tersingkir daripada saingan. Pasukan yang bertanding dalam kategori 2-4 Goal ialah Brunei Darussalam, Thailand, Malaysia, Republik Filipina dan Republik Indonesia. Separuh akhir akan berlangsung pada 8 Disember 2025. Dalam

perkembangan lain, urus setia telah memulakan persediaan untuk ketibaan rombongan atlet dari tanah air pada 7 Disember 2025, melibatkan pasukan karate, sepak takraw dan tae kwan do. Seramai 39 individu termasuk atlet, jurulatih, pengurus pasukan, urus setia dan pasukan perubatan dijadualkan berlepas ke Bangkok.

Sukan SEA merupakan antara kejohanan sukan paling berprestij di rantau Asia Tenggara dan edisi kali ini berlangsung di

Oleh : Srinarawie Bidzah

Bangkok serta dua wilayah lain iaitu Chonburi dan Songkhla, Thailand dari 9 hingga 20 Disember 2025.

Pada edisi kali ini, NBD menghantar seramai 135 kontinjen, termasuk 65 atlet yang akan bertanding dalam sembilan acara sukan daripada 54 acara yang dipertandingkan, iaitu akuatik renang, angkat berat, bola jaring, karate, pencak silat, polo, sepak takraw, tae kwan do dan wushu.

Yang Di-Pertua MMN terima kunjungan hormat



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Disember. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji

YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa menerima kunjungan hormat daripada Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Michael Hoy.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

Mohamed Taib, hari ini, telah menerima kunjungan hormat daripada Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Michael Hoy.

Semasa kunjungan tersebut, kedua-dua pihak menekankan hubungan dua hala yang erat antara NBD dan Australia yang telah terjalin lama dan diperkukuhkan lagi melalui Comprehensive Partnership yang menjadi landasan penting dalam kerjasama kedua-dua negara.

Perbincangan turut menyentuh kerjasama yang signifikan dalam bidang-bidang utama termasuk

pendidikan, ekonomi dan perdagangan serta komitmen Australia dalam memantapkan hubungan dengan Negara-negara ASEAN.

Perbincangan turut menyentuh peluang kerjasama antara parlimen bagi membuka ruang bagi pertukaran pada masa hadapan.

Turut hadir semasa kunjungan hormat tersebut ialah Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Hurairah.

Menyediakan penjagaan pergigian bertaraf dunia berasaskan teknologi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Disember. – Pusat Perubatan Jerudong Park (Jerudong Park Medical Centre-JPMC) mencatat satu lagi pencapaian penting dalam penjagaan pergigian moden dengan pelancaran rasmi Sistem Computer Aided-Design (CAD) atau Computer-Aided Manufacturing (CAM) terbaharu serta perkhidmatan rawatan Clear Aligner.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis semasa Acara 'Evolving Smiles : The Power of Digital Dentistry' yang berlangsung di Bangunan Pusat Pakar Pantai Jerudong (Pantai Jerudong Specialist Centre-PJSC), Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC.

Acara dimulakan dengan



UCAPAN alu-aluan oleh Ketua Jabatan Pergigian JPMC, Dr. Ravi Pai.

bacaan doa, diikuti ucapan alu-aluan oleh Ketua Jabatan Pergigian JPMC, Dr. Ravi Pai, yang antara lain menjelaskan, pergigian digital memperkasa kedua-dua *clinician* dan pesakit.

Jelasnya, sama ada menghasilkan pemulihan yang tepat dengan satu sentuhan atau menawarkan rawatan *orthodontic* yang tidak ketara, inovasi berkenaan meningkatkan hasil rawatan dan mengubah cara mereka menjaga pesakit.

JPMC memperkenalkan perkhidmatan pergigian digital yang dipertingkatkan, menerusi pakar terlatih dan sistem CAD atau CAM yang dinaik taraf, dengan menggabungkan pengimbasan digital yang tepat, reka bentuk digital canggih, proses pemasaan yang sangat tepat serta teknologi pencetakan 3D.

Bagi pesakit, ia menghasilkan pemulihan yang lebih tepat seperti *dental crown*, *veneers*, *bridge* dan implan serta pilihan *orthodontic* yang lebih mudah dan selesa, semuanya direka untuk memberikan pengalaman pergigian yang lebih lancar dan menyenangkan.

JPMC turut mengumumkan pengenalan Invisalign, iaitu perkhidmatan rawatan *clear aligner* yang menawarkan penyelesaian *orthodontic* moden, selesa dan hampir tidak ketara, disokong oleh perancangan rawatan digital.

Dengan dua pakar *orthodontic* bertauliah Invisalign, hospital berkenaan menyediakan rawatan *aligner* yang diperibadikan dan dibimbing oleh kepakaran bertaraf

YANG Berhormat Menteri Kesihatan, selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC hadir selaku tetamu kehormat semasa Acara 'Evolving Smiles : The Power of Digital Dentistry'.

antarabangsa, memberikan pesakit alternatif yang mudah berbanding pendakap gigi tradisional, serta mengukuhkan kedudukan JPMC sebagai peneraju dalam penjagaan *orthodontic* kontemporari.

Majlis berkenaan turut menampilkan dua pembentangan, iaitu pembentangan bertajuk 'Demystifying Aligner Treatment' yang disampaikan oleh Perunding Orthodontic, JPMC, Dr. James Sunny; dan pembentangan bertajuk 'Precision in Every Smile : Your New Digital Lab Partner' yang disampaikan oleh Perunding Prosthodontic, JPMC, Dr. Dharma Rai.

Komitmen berkenaan turut diperkukuh oleh Makmal Pergigian JPMC dengan pengalaman hampir dua dekad serta dilengkapi dengan juruteknik CAD atau CAM terlatih, mesin pemasaan moden, pengimbas, perisian reka bentuk canggih dan teknologi pencetakan

ANTARA yang hadir pada acara berkenaan.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



3D. Asas kukuh berkenaan menegaskan komitmen JPMC dalam menyediakan penjagaan

pergigian bertaraf dunia berasaskan teknologi yang mengutamakan keselamatan, kualiti dan keselesaan pesakit.



KESUKARELAWANAN MEMBENTUK JATI DIRI BELIA CEMERLANG, BERWAWASAN TINGGI

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 5 Disember. - Hari Sukarelawan Antarabangsa atau International Volunteer Day (IVD) disambut pada 5 Disember setiap tahun dan telah diisytiharkan sebagai sambutan antarabangsa oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sejak tahun 1985.

Sambutan ini bertujuan mengiktiraf sumbangan para sukarelawan serta menggalakkan semangat kesukarelawan di peringkat tempatan, kebangsaan, dan antarabangsa.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad dalam perutusan sempena Sambutan IVD 2025.

Bagi sambutan tahun ini, kata Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, PBB telah menetapkan tema 'Setiap Sumbangan Adalah Bermakna' (Every Contribution Matters).

"Tema ini merupakan pengiktirafan global bahawa setiap tindakan kesukarelawan, walau sekecil mana pun, adalah penting dalam mengukuhkan komuniti dan mendorong perubahan yang bermakna.

"Tema IVD 2025 ini mengambil makna yang lebih bersejarah kerana ia turut menandakan Pelancaran Tahun Sukarelawan Antarabangsa untuk

Pembangunan Mampan 2026 atau International Volunteer Year (IVY) 2026, yang bermula secara rasmi pada 5 Disember 2025.

"IVY 2026 telah diisytiharkan oleh Perhimpunan Agung PBB melalui Resolusi 78/127. Tajuk dan tema utama yang ditekankan adalah 'Tahun Sukarelawan Antarabangsa untuk Pembangunan Mampan' (International Year of Volunteers for Sustainable Development)," ujar Yang Berhormat.

Negara Brunei Darussalam (NBD), tambah Yang Berhormat, amat kaya dengan warisan budaya dan nilai-nilai murni, antaranya konsep bermucang-mucang yang telah lama sebatih dalam masyarakat sebagai amalan bekerjasama dan bergotong-royong.

Jelas Yang Berhormat, konsep ini merupakan manifestasi sebenar semangat kesukarelawan yang berperanan penting dalam memupuk perpaduan, persefahaman, dan semangat kekitaan, selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

"Dalam konteks IVY 2026, kita menyedari bahawa kesukarelawan memegang kepentingan budaya dan sosial yang mendalam. Konsep bermucang-mucang adalah contoh terbaik di mana tradisi gotong-royong menjadi teras nilai dan solidariti, sekali gus mengesahkan bahawa semua

bentuk kesukarelawan penting, sama ada formal atau informal, tempatan atau silang sempadan. Budaya luhur ini wajar terus disemai agar kekal menjadi asas kepada pembangunan sosial dan ketahanan negara kita," kata Yang Berhormat.

Dalam pada itu, Yang Berhormat menjelaskan, penglibatan dalam aktiviti kesukarelawan merupakan landasan yang amat berharga dalam proses pembangunan belia.

"Kesukarelawan bukan hanya sebagai aktiviti sampingan, tetapi sebagai wadah penting untuk membentuk jati diri belia yang cemerlang, berakhlak mulia dan berwawasan tinggi.

"Melalui aktiviti sukarelawan, belia didedahkan kepada pelbagai realiti kehidupan bermasyarakat, mengasah kemahiran kepimpinan, penyelesaian masalah serta memupuk sifat empati dan tanggungjawab sosial.

"Belia yang aktif bersukarelawan adalah belia yang lebih bersedia untuk menjadi pemimpin masa hadapan yang pemedulian dan berkebolehan," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) sentiasa komited untuk memudah cara penglibatan sukarelawan secara lebih teratur dan berkesan di era digital melalui pendekatan digital.

"Justeru, sempena IVD ini, saya menyeru kepada semua sukarelawan individu, persatuan

belia dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk mendaftar dan serta mengaktifkan akaun awda di aplikasi Mengalinga, yang berfungsi sebagai pangkalan data rasmi bagi Kementerian mengiktiraf, mengukur dan mengurus sumbangan sukarelawan di peringkat kebangsaan," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut mengumumkan Pelancaran Kempen Hari Bertindak (Day of Action - D.o.A), di mana kempen tersebut telah berjaya merekodkan sebanyak 723 aktiviti, melibatkan 565 agensi, dan disertai oleh 25,602 sukarelawan di seluruh negara sejak diperkenalkan pelaksanaannya pada tahun 2015.

"Bagi tahun ini, Kempen D.o.A akan bermula secara rasmi pada 5 Disember 2025 dan akan berterusan sehingga 31 Januari 2026.

"Ini adalah peluang terbaik untuk seluruh lapisan masyarakat, terutamanya belia, untuk turun padang, merancang, dan melaksanakan aktiviti kesukarelawan yang berfokus bagi menjayakan matlamat pembangunan negara," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menyeru agar setiap aktiviti di bawah kempen ini untuk didaftarkan melalui aplikasi Mengalinga bagi memastikan data penglibatan sukarelawan dan aktiviti dapat direkodkan secara strategik.

"Untuk akhirnya, marilah kita terus membudayakan semangat



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam perutusan sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2025.

sukarela dan amalan bermucang-mucang dalam kalangan para belia khususnya dan seluruh lapisan masyarakat amnya.

"Semoga IVY 2026 menjadi titik permulaan bagi pengukuhan kerjasama kita semua melibatkan kerajaan, sektor swasta, penggiat aktiviti sukarelawan dan para ilmuwan; untuk bersama-sama melaksanakan langkah strategik bagi mempromosikan kepentingan sukarelawan untuk pembangunan mampan.

"Selamat Menyambut IVD 2025. Semoga setiap titisan peluh dan bakti yang dicurahkan menjadi inspirasi kepada kita semua dan mendapat rahmat serta balasan yang baik daripada Allah Subhanahu Wata'ala," kata Yang Berhormat.

MEMELIHARA KEAMANAN, KESEJAHTERAAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan penyampaian Sijil-sijil Taraf Kerakyatan (kiri). Manakala gambar bawah kiri, antara penerima yang hadir.

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadi rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sehubungan itu, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) petang tadi mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Ke-43, di Dewan Bankuet, Dewan Persidangan BRIDEX, Jerudong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian Sijil-sijil Taraf Kerakyatan ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam ucapannya menjelaskan, para penerima sijil kerakyatan berkenaan terdiri daripada pelbagai latar belakang, umur, agama dan bangsa.

"Sebagai tanda syukur, marilah kita sama-sama menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah atas kurnia titah perkenan baginda bagi pengurniaan taraf kerakyatan ini.

"Detik ini amat bermakna bagi

para penerima dan keluarga mereka," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat menjelaskan, sebagai komitmen kerajaan dalam pembaharuan dan perkhidmatan, KHEDN melalui JIPK telah melaksanakan beberapa pembaharuan dan penambahbaikan dari segi dasar, tatacara dan proses bagi kebajikan rakyat.

"Garis panduan dan syarat-syarat kelayakan bagi Kategori Permohonan Untuk Mendapatkan Taraf Penduduk Tetap telah dikemas kini dan berkuat kuasa pada 31 Disember 2024," tambah Yang Berhormat.

Usaha berkenaan, ujar Yang Berhormat lagi, berjaya memproses permohonan termasuk yang tertunggak, sekali gus mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam memeduli kebajikan pemohon.

"Tanggungjawab kolektif dalam menjaga keharmonian negara dan kesejahteraan merupakan tiang seri kepada negara.

"Pembangunan akan terbantut tanpa keharmonian dan pencapaian tidak bermakna tanpa kesejahteraan," tegas Yang Berhormat.

Oleh itu, Yang Berhormat seterusnya mengingatkan, memelihara keamanan dan kesejahteraan perlulah dilihat sebagai tanggungjawab kolektif seluruh rakyat dan penduduk, bukan sekadar tanggungjawab kerajaan semata-mata.

"Setiap individu berperanan sebagai ejen perpaduan dan penyebar kasih sayang demi melahirkan masyarakat yang sejahtera," jelas Yang Berhormat.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika berucap.

Turut hadir pada majlis tersebut, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha - setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan dari KHEDN serta para pegawai dan kakitangan JIPK.

Para penerima adalah terdiri daripada mereka yang memohon taraf kerakyatan NBD di bawah Akta Taraf Kebangsaan Brunei, Penggal 15, iaitu di bawah Bab 5(1) dan 8(1) dan telah lulus dalam Ujian Bahasa Melayu secara bertulis serta secara lisan di bawah Bab 6(1) iaitu terdiri daripada anak-anak kepada ibu warganegara Brunei, anak-anak kepada ayah warganegara Brunei dan anak-anak angkat kepada ibu bapa angkat warganegara Brunei dan juga di bawah Bab 5(6) terdiri daripada isteri-isteri kepada suami warganegara Brunei Darussalam.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohammad Hasif Matzin

JERUDONG, Rabu, 3 Disember. - Seramai 1,361 orang pemohon telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri



Hargai jasa bakti, iktiraf kecemerlangan pesara, warga IBTE



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat serta menyampaikan sijil penghargaan (kanan dan atas), manakala gambar bawah, sebahagian daripada yang hadir pada majlis tersebut.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



BERAKAS, Rabu, 3 Disember. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) hari ini mengadakan Majlis Penghargaan Pesara dan Warga IBTE 2025, bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Majlis tersebut dianjurkan bagi menghargai jasa para pesara serta mengiktiraf kecemerlangan warga kerja IBTE sebagai usaha berterusan untuk memupuk budaya penghargaan, motivasi dan semangat kekitaan dalam organisasi.

Hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Pendidikan Teknikal / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji

Mohd. Zamri bin Haji Sabli.

Dalam ucapannya, Dr. Haji Mohd. Zamri antara lain merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada tetamu kehormat serta semua yang hadir, sambil menekankan bahawa majlis berkenaan adalah wadah untuk menzahirkan penghargaan terhadap jasa dan sumbangan 17 orang pesara IBTE yang telah berkhidmat dengan penuh dedikasi.

Beliau turut menyampaikan ucapan terima kasih atas kecekalan, komitmen dan pengorbanan mereka yang telah membantu membentuk kekuatan institusi, sekali gus memberi inspirasi kepada generasi warga kerja IBTE yang baharu.

Majlis juga meraikan sembilan orang penerima Anugerah Pekerja Cemerlang sebagai pengiktirafan

terhadap prestasi, disiplin dan komitmen cerdas para penerima sepanjang tahun.

Dr. Haji Mohd. Zamri menjelaskan bahawa kejayaan mereka wajar dijadikan inspirasi kepada semua untuk berusaha mencapai kecemerlangan yang berterusan dalam perkhidmatan.

Beliau turut menyentuh pelbagai inisiatif penting yang berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2025 hasil kerjasama erat dan dedikasi seluruh warga kerja IBTE.

Dr. Haji Mohd. Zamri menyeru agar semangat perpaduan, komitmen dan profesionalisme terus diperkukuhkan demi merealisasikan visi dan misi IBTE, mempertahankan standard kecemerlangan dan menjamin masa hadapan yang cerah untuk para pelajar.

TANAMKAN RASA CINTA, MINAT TERHADAP AL-QURAN DALAM KALANGAN OKU



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika berucap majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Disember. – Majlis Doa Kesyukuran dan Mencintai Al-Quran dianjurkan bertujuan untuk menanamkan rasa kecintaan dan minat terhadap Al-Quran dalam kalangan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Sehubungan itu, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Bahagian Pendidikan Khas Ugama, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Ugama (KHEU); Jabatan Pendidikan Khas (JPK), Kementerian Pendidikan; Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU), Persatuan Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Cacat Anggota (PAPDA); Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam dan An-Nur Harapan petang tadi menganjurkan Majlis Doa Kesyukuran dan Mencintai Al-Quran sempena Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) 2025 bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan Dewan Majlis.

Seramai 36 peserta OKU terdiri daripada penuntut-penuntut sekolah menengah dan sekolah agama; pelatih-pelatih Pusat Bahagia di keempat-empat daerah serta Ahli-ahli Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, PAPDA dan An-Nur Harapan menyertai majlis berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti ucapan alu-aluan oleh Pemangku

Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh, selaku Pengerusi Majlis, diikuti dengan ucapan daripada tetamu kehormat.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam ucapannya menekankan mengenai kepentingan komitmen masyarakat dalam memperkukuh budaya inklusif selaras dengan tema 'Memupuk Masyarakat Berkelainan Upaya Yang Inklusif Ke Arah Kemajuan Sosial' khususnya dalam menyediakan persekitaran mesra-OKU, dasar responsif serta peluang yang saksama bagi golongan OKU.

Dalam ucapannya, turut menzahirkan penghargaan terhadap potensi OKU sebagai penyumbang kepada pembangunan negara, di samping menegaskan bahawa kecintaan kepada Al-Quran adalah universal dan mampu memperkasa kesejahteraan rohani tanpa mengira keadaan fizikal, intelek atau kemampuan penglihatan.

Inisiatif kerajaan seperti pemberian Biasiswa Pengajian Tahfiz kepada OKU di



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran dan Mencintai Al-Quran sempena Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) 2025.

bawah JAPEM katanya, turut menunjukkan sokongan berterusan terhadap penyertaan aktif mereka dalam mengukuhkan syiar Islam dan agenda pembangunan negara.

Secara keseluruhannya, jelas Yang Berhormat, majlis ini berperanan sebagai platform untuk memupuk kesedaran, perpaduan dan penghormatan kepada golongan OKU serta mengajak masyarakat membina ekosistem yang inklusif, harmoni dan berkeadilan.

Majlis diteruskan dengan tayangan klip video pendek yang memaparkan pencapaian serta perkembangan OKU di Negara Brunei Darussalam.

Sejurus itu, majlis disusuli dengan bacaan doa sebelum membaca Al-Quran, diikuti bacaan Surah Al-Waqiah dan Surah Al-Mulk secara beramai-ramai serta bacaan doa selepas bacaan Al-Quran oleh peserta-peserta majlis.

Acara juga diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Keindahan Al-Quran Dalam Kehidupan Insan Istimewa' yang disampaikan oleh Penolong

Profesor Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar, yang antara lain menegaskan bahawa Al-Quran adalah teman setia mukmin sebagai sumber panduan ke jalan lurus, penenang hati dan kekuatan ketika menghadapi apa jua ujian kehidupan, ia jua akan menjadi 'insan istimewa' di dunia di alam barzakh dan di hari akhirat bagi mukmin yang membaca dan mengamalkan Al-Quran.

Majlis kemudian diteruskan dengan penyampaian cenderahati dan sijil oleh tetamu kehormat kepada para peserta, penceramah dan penaja dan diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran dan Doa Allah Peliharakan Sultan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pegawai Pemantau Zon 2, Masjid Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohd. Azrol Alim bin Haji Zaini.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dayang Hajah Fauziah binti Haji Abdul Hamid serta pegawai-pegawai kanan dari KKBS, KHEU, Kementerian Pendidikan, MKOKU dan persatuan - persatuan bukan kerajaan; rakan-rakan strategik KKBS serta para penaja.




SERAMAI 36 peserta Orang Kelainan Upaya (OKU) menyertai majlis berkenaan yang diadakan di Dewan Bankuet, Bangunan Dewan Majlis.




سورھنجاي ڦرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1



2



3



WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

DOA KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN HARI SUKARELAWAN ANTARABANGSA 2025



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

platform penting untuk menghargai sumbangan para sukarelawan serta memberi peluang kepada individu dan organisasi untuk berkongsi, mempromosikan dan memperkukuhkan usaha kesukarelawan.

Ia juga berperanan dalam menyokong keamanan dan pembangunan dengan mengiktiraf peranan sukarelawan serta menggalakkan kerjasama dalam mengintegrasikan sukarelawan ke dalam program pembangunan.

Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan meraikan Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2025.

Bersempena dengan sambutan tersebut, Majlis Doa Kesyukuran telah diadakan petang tadi, bertempat di Masjid Ash-Shaliheen, Berakas, di sini.

Hadir, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Juga hadir, pegawai-pegawai kanan KKBS; Persatuan dan Pergerakan Belia; Belia-belia Masjid; Alumni Program-program Kebangsaan dan Antarabangsa; dan belia individu serta orang ramai.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Selawat Tafriyyah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid,

Masjid Ash-Shaliheen, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran, diikuti dengan Tazkirah yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Mohammad Nasyith bin Superi, diselenggarakan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah juga diimamkan oleh Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin.

Acara diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran, Doa Keselamatan untuk Rakyat Palestin, serta Doa Peliharakan Sultan dan NBD yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Ash-Shaliheen.

Kempen Hari Bertindak pada tahun ini mempunyai sembilan kluster program iaitu Hak Asasi Haiwan; Seni dan Budaya; Masyarakat; Bencana Alam; Pendidikan; Inisiatif Hijau; Keusahawanan Sosial; Kerohanian dan Agama; dan Pembangunan Belia.

Pendaftaran bagi menyertai aktiviti Kempen Hari Bertindak ini telah pun dibuka bermula 3 Disember 2025 hingga 15 Januari 2026.

Sebarang maklumat mengenai aktiviti-aktiviti Kempen Hari Bertindak boleh diperolehi melalui aplikasi Mengalinga serta Instagram @ibs.brunei, @dayofaction.brunei dan @hab.belie.

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir pada Majlis Doa Kesyukuran berkenaan di Masjid Ash-Shaliheen, Berakas.

BERAKAS, Khamis, 4 Disember. - Hari Sukarelawan Antarabangsa merupakan sambutan tahunan yang diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan disambut pada 5 Disember setiap tahun.

Sambutan berkenaan menjadi

29 anggota ABDB selamat pulang ke tanah air



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) semasa mengalu-alukan ketibaan anggota ABDB yang berlangsung di Pusat Pergerakan Udara, Pangkalan Tentera Udara Rimba.

Oleh : Nooratihi Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

RIMBA, Jumaat, 5 Disember. - Seramai 29 anggota dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), terdiri daripada tiga pegawai dan 26 lain-lain peringkat termasuk dua anggota wanita, selamat kembali ke Negara Brunei Darussalam (NBD) petang tadi setelah selesai melaksanakan misi pengaman selama 12 bulan dengan Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL) bersama Malaysian Battalion (MALBATT) 850-12.

Misi berkenaan telah berlangsung dari 16 November 2024 sehingga 15 November

2025.

Kontinjen ABDB MALBATT 850-12 yang diketuai oleh Mejar Pengiran Muhammad Syahir Fadillah bin Pengiran Salleh tiba di Pusat Pergerakan Udara, Pangkalan Tentera Udara Rimba dengan menaiki pesawat pengangkut C295MW Tentera Udara Diraja Brunei.

Ketibaan mereka dialu-alukan oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Turut hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif ABDB, Timbalan Pengarah Jabatan

Pertubuhan Antarabangsa, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; Penasihat Pertahanan Malaysia ke NBD, pegawai-pegawai kanan dan anggota-anggota Kementerian Pertahanan, serta ahli keluarga anggota ABDB yang menyertai misi berkenaan.

Penugasan MALBATT 850-12 berkenaan mencerminkan komitmen berterusan ABDB terhadap misi pengaman sejak 2008, selaras dengan aspirasi pertahanan negara yang digariskan dalam Kertas Putih Pertahanan 2021, sekali gus mengukuhkan peranan NBD sebagai rakan yang aktif dalam usaha keamanan antarabangsa.

NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM

Awas! Jalan Licin Dihadapan

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

- Always Wear a seatbelt
- No mobile phones while driving
- Speeding is dangerous
- Do not drive under influence
- Wear helmet and proper attire while riding
- Always watch out for other road users
- Always check tyres

NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM

Jangan Menggunakan Telefon Bimbit Semasa Memandu

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

- Always Wear a seatbelt
- No mobile phones while driving
- Speeding is dangerous
- Do not drive under influence
- Wear helmet and proper attire while riding
- Always watch out for other road users
- Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn

HUBUNGAN DUA HALA ANTARA NBD, THAILAND TERUS DIPERKUKUH



YANG Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri dan isteri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Resepsi sempena Hari Kebangsaan Thailand (atas kiri dan atas kanan). Sementara gambar bawah kiri, Charge d'Affaires a.d. interim, Kittivudh Pinyowit ketika menyampaikan ucapan alu-aluannya.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



JERUDONG, Rabu, 3 Disember. - Bersempena Hari Kebangsaan Thailand, Kedutaan Besar Diraja Thailand di Negara Brunei Darussalam (NBD) malam tadi mengadakan Majlis Resepsi yang berlangsung di Royal Berkshire, Jerudong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah dan isteri, Datin Hajah Azriana binti Haji Zahari.

Majlis dimulakan dengan lagu kebangsaan kedua-dua buah negara, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Charge d'Affaires a.d. interim, Kittivudh Pinyowit.

Kittivudh Pinyowit dalam ucapannya menjelaskan, pertemuan antara Perdana Menteri Kerajaan Thailand, Tuan Yang Terutama Anutin Charnvirakul dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Oktober lalu bersempena Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC 2025, telah memajukan inisiatif penting termasuk rancangan pelaburan

bersama antara Kumpulan Wang Simpanan Kerajaan Thailand dan Brunei Investment Agency serta Perjanjian Cukai Berganda yang kini sedia untuk ditandatangani pada awal tahun hadapan.

"Hubungan ekonomi kita terus berkembang pesat. Angka awal tahun 2025 menunjukkan nilai perdagangan dua hala bernilai USD807.62 juta dalam tempoh sembilan bulan pertama, sekali gus mengatasi jumlah keseluruhan tahun 2024," ujarnya.

Selain itu, pada Julai tahun ini katanya, mereka menerima rombongan delegasi perdagangan Thailand terbesar ke NBD dalam

beberapa tahun kebelakangan ini dan ia jelas mencerminkan komitmen bersama kita untuk memperkukuh hubungan ekonomi.

Ke arah masa depan, Thailand bersedia untuk memperluaskan kerjasama dalam sektor-sektor penting seperti kesihatan awam, pelancongan kesihatan, industri halal, keselamatan makanan dan pembangunan mampan.

Selain perdagangan dan pelaburan, Thailand dan NBD terus mengukuhkan kerjasama antara institusi pertahanan melalui lawatan peringkat tinggi, mesyuarat dan pertukaran.

"Keutuhan sebenar hubungan dua hala kita dapat dilihat melalui hubungan antara rakyat. Tahun ini Kedutaan Besar Thailand telah giat memperkukuh hubungan ini melalui pertukaran budaya dan diplomasi makanan. Tiga ekspo perdagangan yang sangat popular membuktikan minat mendalam rakyat Brunei terhadap makanan Thai," ujarnya lagi.

Beliau menambah, hubungan dua hala antara Thailand dan NBD akan terus diperkukuh dan Kedutaan Diraja Thailand kekal komited untuk bekerjasama dengan rakan-rakan demi manfaat dan kemakmuran bersama kedua-dua negara dan rakyatnya.

Majlis Resepsi berkenaan turut menyaksikan acara memotong kek dan sesi bergambar ramai diikuti dengan penyampaian cenderamata kepada tetamu kehormat.

Baiduri Lokal Market ketengahkan kesedaran sisa tekstil



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada Baiduri Lokal Market Edisi Ke-4 (atas dan atas kanan). Manakala gambar bawah, sekitar acara tersebut yang berlangsung di Baiduri South Lawn, di ibu pejabat bank berkenaan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 5 Disember. - Bank Baiduri melancarkan Baiduri Lokal Market Edisi Ke-4 bermula hari ini hingga 7 Disember yang berlangsung di Baiduri South Lawn, di ibu pejabat bank berkenaan.

Acara tersebut menghimpunkan vendor tempatan dan penyokong kelestarian di bawah tema 'Kesedaran Sisa Tekstil', yang mengetengahkan penyelesaian kreatif untuk mengurangkan sisa tekstil dan menggalakkan kitar semula dalam kehidupan seharian.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dayang Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak yang juga hadir selaku tetamu kehormat.

Sebagai sebahagian daripada rangka kerja Environmental, Social, and Governance (ESG) dan agenda kelestarian Bank Baiduri yang lebih luas, Baiduri Lokal Market 2025 berfungsi sebagai

platform untuk meningkatkan kesedaran tentang isu alam sekitar sambil menyokong perniagaan tempatan dan inisiatif komuniti.

Edisi tahun ini memberi tumpuan kepada sisa tekstil, kebimbangan yang semakin meningkat di peringkat global dan tempatan serta menggalakkan pengunjung untuk mengamalkan tabiat lestari melalui penyelesaian praktikal dan kreatif.

Acara ini juga menggabungkan pendidikan dan tindakan melalui inisiatif seperti Kempen Derma Pakaian oleh Aewon, Bengkel Kitar Semula oleh Daun Co, dan acara *trift* oleh Ashella Trading Co, bersama 20 penjual makanan dan minuman tempatan.

Shalizi Waste Recycling juga menyokong acara ini dengan mengumpul dan mengitar semula minyak masak terpakai daripada penjual. Usaha ini bertujuan untuk mengurangkan pembaziran dan menggalakkan amalan kitaran.

Sebagai sebahagian daripada

bulan kemampuannya, Bank Baiduri telah mengumpul 527.3 kilogram tekstil daripada lima cawangan dan anak syarikat - Cawangan Utama, Serusop, Kuala Belait, Tutong dan Baiduri Finance Sumbangsiah.

Barangan yang boleh dipakai akan didermakan kepada La Vida dan SMARTER Brunei, manakala fabrik akan digunakan semula oleh Aewon untuk inisiatif kitar semula.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Perbankan Pengguna Bank Baiduri, Manuel Bulens berkata Baiduri Lokal Market bagi Edisi Ke-4 ini menjadi peluang untuk mengetengahkan pengusaha tempatan dan menyokong bulan kelestarian bank, yang menumpukan kepada memberi kehidupan kedua kepada fabrik dan pakaian yang masih boleh dipakai melalui sumbangan dan *upcycling*.

"Kami berbangga kerana, dengan bantuan rakan kongsi kami Aewon, kami berjaya mengumpul lebih setengah tan pakaian, satu pencapaian yang menunjukkan bagaimana tindakan kolektif boleh membuat perbezaan yang nyata," jelasnya.

Untuk memperkukuh lagi amalan lestari, semua vendor digalakkan untuk mematuhi dasar bank 'No Single-Use Plastic' dan pengunjung akan dapat merasai Baiduri Tap2Pay untuk transaksi tanpa tunai yang lancar sepanjang acara tersebut.

Bagi maklumat lanjut tentang inisiatif, produk dan perkhidmatan Bank Baiduri, sila layari www.baiduri.com, ikuti halaman media sosial Bank Baiduri atau hubungi Talian Bantuan Pelanggan 24 jam bank berkenaan di +673 2449666.

Penyerahan sumbangan derma kepada mangsa kebakaran



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Disember. – Majlis Penyampaian Bantuan Derma kepada mangsa-mangsa rumah kebakaran berlangsung pagi tadi bertempat di Dewan Teater, Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM).

Bantuan itu telah disalurkan kepada 14 ketua keluarga yang terjejas dalam kebakaran pada 3 November 2025 serta mangsa kebakaran yang berlaku baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah

PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara merangkap Pengerusi Tabung Amal JDBM hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Lumapas (kiri dan kanan).

Brunei dan Muara merangkap Pengerusi Tabung Amal JDBM, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Haji Md. Hairol Haimi bin Haji Usop.

Majlis kemudian diteruskan dengan penyerahan derma daripada Yang Dimuliakan Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin kepada Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak berjumlah BND16,000 yang mana sebanyak BND1,000 untuk setiap penerima dan BND2,000 untuk Tabung Amal JDBM.



Seterusnya, penyampaian derma disampaikan oleh penyumbang kepada para penerima terdiri daripada ketua atau wakil keluarga.

Sebelum majlis berakhir, bacaan Doa Selamat serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Awang Haji Md. Hairol Haimi.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas; pegawai-pegawai JDBM; Penghulu Mukim Zon 2 Kampong Ayer; Pemangku Ketua Kampong Zon 3 Kampong Ayer; dan Pemangku Ketua Kampong Zon 4 Kampong Ayer.

LAKUKAN PENGESANAN AWAL UNTUK KANSER PAYUDARA

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Disember. - Kanser merupakan penyakit tidak berjangkit yang kekal sebagai pembunuh nombor satu di Negara Brunei Darussalam (NBD). Kanser berkenaan berpunca daripada ketumbuhan sel-sel yang tidak terkawal di bahagian payudara, yang boleh merebak ke organ atau bahagian lain.

Kanser payudara merupakan kanser paling lazim berlaku dalam kalangan wanita di negara ini dan satu daripada setiap empat kanser dalam kalangan wanita adalah kanser payudara. Setiap Oktober, NBD menyambut Bulan Kesedaran Kanser Payudara untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kanser payudara, termasuk faktor risikonya dan kepentingan saringan.

Tema tahun ini adalah 'Setiap

Kisah Adalah Unik, Setiap Perjalanan Adalah Bermakna'. Tema tahun ini mengingatkan kita bahawa di sebalik setiap diagnosis kanser payudara, terdapat kisah peribadi tentang keberanian, ketabahan dan harapan, serta setiap perjalanan wajar diraikan dengan belas kasihan dan sokongan.

Tema tahun ini juga menegaskan keperluan untuk rawatan yang tepat pada masanya dan berkualiti untuk semua, tanpa mengira lokasi, pendapatan, atau latar belakang.

Mesej-mesej utama adalah faktor-faktor risiko kanser payudara yang perlu kita ketahui, iaitu jantina : wanita; umur : risiko meningkat bagi mereka yang berumur 40 tahun ke atas; sejarah keluarga : pernah menghidap kanser payudara; obesiti : berat badan yang berlebihan; pemakanan yang

tidak sihat : kurang pengambilan sayur-sayuran dan buah-buahan dan kerap makan makanan yang tidak sihat seperti makanan yang berproses dan tinggi lemak; merokok : meningkatkan risiko kanser payudara; alkohol : pengambilan minuman alkohol berlebihan; penggunaan terapi hormon gantikan dan pil kontraseptif oral (pil pencegah hamil) bagi jangka masa yang lama dan mempunyai mutasi gen seperti BRCA1 dan BRCA2.

Selain itu, perkara yang perlu dilakukan untuk mencegah kanser payudara ialah menjauhkan diri daripada produk tembakau dan pendedahan kepada asap tembakau; perbanyakkan pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran; meningkatkan aktiviti fizikal; pengesanan awal untuk kanser payudara; penyusuan susu ibu dan elakkan minuman beralkohol.

Manakala tanda dan gejala kanser payudara yang perlu awda perhatikan, iaitu ketumbuhan atau benjolan pada payudara termasuk bahagian ketiak; lelehan yang tidak normal atau bercampur dengan darah dari puting payudara; perubahan pada puting payudara; perubahan pada tekstur kulit payudara; perubahan saiz atau bentuk payudara, dan juga kemerahan, sakit atau bengkak pada payudara.

Sementara jika awda menghidapi gejala - gejala berkenaan di atas, awda perlu berjumpa dengan doktor di pusat kesihatan untuk pemeriksaan yang lanjut. Jika awda tidak mengalami gejala berkenaan, awda boleh menyertai program saringan kanser payudara mengikut kelayakan.

Awda boleh menyertainya melalui aplikasi BruHealth ataupun pergi ke pusat kesihatan yang berhampiran. Pemeriksaan yang

KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan

KANSER PAYUDARA

Kanser payudara berlaku apabila sel-sel di payudara tumbuh secara tidak terkawal dan boleh merebak ke bahagian lain.

Di Negara Brunei Darussalam, Kanser Payudara adalah kanser No.1 di kalangan wanita.

1 dari 4 wanita yang didiagnosis kanser menghidap kanser payudara.

Sumber: Brunei Darussalam Cancer Registry, 2024

FAKTOR-FAKTOR RISIKO

- Wanita
- Peningkatan umur
- Berat badan yang berlebihan
- Pendedahan radiasi terpanjangan
- Pengambilan makanan tidak sihat
- Penggunaan produk tembakau
- Pengambilan minuman alkohol berlebihan
- Mempunyai sejarah atau keluarga menghidap Kanser Payudara
- Penggunaan Terapi Hormon Gantikan dan Pil Kontraseptif Oral berpanjangan
- Mempunyai mutasi gen seperti BRCA1 atau BRCA2

KURANGKAN RISIKO AWDA DENGAN...

- Menjauhkan diri dari produk tembakau dan pendedahan kepada asap tembakau
- Perbanyakkan pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran
- Meningkatkan aktiviti fizikal
- Membuat pengesanan awal untuk kanser payudara
- Penyusuan susu ibu
- Mengelak minuman beralkohol

TANDA-TANDA

- Ketumbuhan atau benjolan pada payudara termasuk bahagian ketiak
- Lelehan yang tidak normal atau bercampur dengan darah dari puting payudara
- Perubahan pada puting payudara
- Perubahan pada tekstur kulit payudara
- Perubahan saiz atau bentuk payudara
- Kemerahan, sakit atau bengkak pada payudara

Jika awda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut

PROGRAM PEMERIKSAAN KESIHATAN KEBANGSAAN

Pemeriksaan Kanser Payudara terbuka kepada wanita Warganegara dan Penduduk Tetap (stateless) Negara Brunei Darussalam yang:

- Berumur 40-69 tahun, dan
- Tidak pernah menghidap Kanser Payudara, dan
- Tidak mempunyai sebarang gejala penyakit payudara, dan
- Tidak menjalani pemeriksaan mammogram dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.

Pengesanan awal menyelamatkan nyawa - jaga kesihatan payudara awda hari ini!

Daftar sekarang melalui BruHealth!



awda akan jalani jika layak ialah pemeriksaan *mammogram*, iaitu sejenis X-ray bagi payudara.

Ini adalah untuk mengesan penyakit kanser di peringkat awal lagi sebelum gejala muncul. Sejak Ogos 2024, NBD juga telah melancarkan Pusat Pengimejan Payudara di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) bagi memudahkan dan meningkatkan keupayaan serta kapasiti perkhidmatan proses saringan di hospital.

Di samping itu, ia juga meningkatkan keyakinan, keselesaan dan privasi individu semasa menjalani pemeriksaan 'mammogram'.

Program berkenaan dibukakan

kepada semua warganegara dan penduduk tetap (*stateless*) NBD yang memenuhi kriteria berikut, iaitu berumur 40 hingga 69 tahun; tidak pernah menghidap kanser payudara; tidak mempunyai sebarang gejala penyakit payudara dan tidak menjalani pemeriksaan *mammogram* dalam tempoh tiga tahun kebelakangan.

Untuk maklumat lanjut, awda boleh layari laman sesawang Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn atau e-mel health.screening@moh.gov.bn.

Untuk maklumat terkini, ikuti media sosial Instagram [@mohbrunei](https://www.instagram.com/mohbrunei) atau [@bruhealth.app](https://www.bruhealth.app).

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DIGITAL NEGARA MEMBERANGSANGKAN

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dalam ucapatamanya semasa Forum Ekonomi Digital Brunei (Brunei Digital Economy Forum) 2025.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Disember. - Dalam tempoh lima tahun yang lalu, Negara Brunei Darussalam (NBD) telah mencapai kemajuan ketara dalam perjalanan pendigitalannya dan salah satu pencapaian paling ketara ialah pengukuhan infrastruktur digital.

Hari ini, NBD berada dalam kalangan negara paling berhubung di ASEAN, dengan kadar penembusan internet hampir mencecah 99 peratus dan dengan kelajuan jalur lebar tetap 100Mbps yang tersedia di seluruh negara, di samping pelancaran sambungan 5G, meletakkan NBD dengan kukuh dalam barisan ekonomi yang sedia digital.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Muhammad Nazri bin Haji Muhammad Yusuf dalam ucapatamanya semasa Forum Ekonomi Digital Brunei (Brunei Digital Economy Forum) 2025 yang berlangsung di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), di sini.

Berucap selaku tetamu kehormat majlis, Awang Haji Muhammad Nazri berkata, pencapaian berkenaan adalah yang diusahakan oleh banyak negara selama berdekad-dekad.

Menurut beliau, negara ini telah

berjaya mencapainya dalam tempoh yang singkat, melalui pilihan dasar yang jelas, kerjasama kukuh antara kerajaan dan industri serta komitmen nasional bersama terhadap pemodenan.

Seiring penaiktarafan rangkaian tambahnya, mereka turut mengubah secara asas landskap telekomunikasi negara, di mana penubuhan rangkaian borong yang berpusat di bawah Unified National Networks membolehkan mereka memodenkan sistem dengan cepat dan berkesan dari segi kos, yang memberikan peluang kepada pengendali di negara ini menawarkan kelajuan dan kualiti perkhidmatan yang lebih baik sambil memberi tumpuan kepada inovasi dan pengalaman pelanggan.

Pembaharuan struktur ini menurutnya, meletakkan tulang belakang teknikal untuk negara digital yang menjadi aspirasi untuk dibangunkan.

Dalam keutamaan yang sama jelasnya, mereka juga memajukan sistem teras kerajaan digital iaitu National Information Hub (NIH) yang kini beroperasi dan membolehkan perkongsian data yang selamat merentasi pelbagai agensi iaitu suatu prasyarat untuk Perkhidmatan Awam yang lebih lancar, bersepadu, dan pintar.

Beliau menambah, BruneiID iaitu identiti digital kebangsaan negara telah melalui ujian dalaman bersama pengguna sebenar dan akan memasuki fasa pelaksanaan berperingkat, yang mana ciri-cirinya, seperti pengesahan selamat dan pengesahan identiti akan menjadi penyokong utama transaksi digital kerajaan dan sektor swasta pada masa hadapan.

Digital Payment Hub, melalui TARUS juga terangnya, telah dilancarkan, membolehkan

pembayaran saling beroperasi antara pelbagai platform yang memudahkan urusan niaga bagi pengguna dan peniaga.

Ketiga-tiga platform tersebut iaitu NIH, BruneiID dan Digital Payment Hub tegasnya, merupakan teras kepada digital perkhidmatan awam masa depan iaitu identiti yang dipercayai, data yang selamat, dan transaksi tanpa halangan, yang mana kesemuanya mewakili pelaburan besar dalam infrastruktur kepercayaan digital yang diperlukan oleh mana-mana negara moden.

Menyentuh mengenai penyediaan Pelan Transformasi Digital Brunei (DBTP), jelasnya, pada awal tahun ini, MTIC telah mengadakan bengkel yang disertai sektor awam dan swasta.

Menurutnya, soalan pertama yang dibentangkan kepada peserta adalah mengenai visi tentang bagaimana rupa Digital Brunei pada masa hadapan, dan jawapan yang diterima sangat pelbagai iaitu daripada perkhidmatan kerajaan digital yang lebih baik, kepada pembayaran rentas sempadan yang lancar, hinggalah kepada mewujudkan masyarakat yang celik AI.

"Untuk melaksanakan DBTP, kita perlu memperkukuh dan mewujudkan susunan institusi yang teguh, yang menyelaraskan dan mendorong akauntabiliti merentasi semua kumpulan pihak berkepentingan.

Pendigitalan negara adalah tanggungjawab bersama, bukan tanggungjawab individu," ujarnya lagi.

Segala usaha ini tekannya, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 untuk mempunyai rakyat yang berpendidikan tinggi, kualiti hidup yang tinggi serta ekonomi yang dinamik dan mampan. Matlamat besar ini akan disokong melalui asas kukuh transformasi digital, teknologi dan

inovasi.

Forum Ekonomi Digital Brunei 2025 telah menghimpunkan pembuat dasar kanan, pemimpin perniagaan, dan pihak berkepentingan ekonomi digital untuk memajukan dialog dengan tema 'Masa Depan Digital Brunei : Berhubung, Berinovasi, Makmu'.

Dianjurkan oleh Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ASEAN-BAC) Brunei dan Majlis Penasihat Perniagaan APEC (APEC-BAC) Brunei, dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi, forum ini diadakan di bawah Program Ekonomi Brunei dan memberi tumpuan kepada pengukuhan infrastruktur digital dan rangka kerja tadbir urus NBD bagi mempercepatkan transformasi digital negara.

Salah satu tumpuan utama forum ialah pembentangan maya Laporan e-Conomy SEA 2025 oleh Geia Lopez dari Google Asia Tenggara, yang menggariskan trend pertumbuhan digital serantau dan peralihan ASEAN daripada 'Dekad Digital' kepada era dipacu AI, dengan laporan tersebut kini merangkumi kesemua 10 Negara Anggota ASEAN, termasuk Brunei.

Integrasi digital serantau turut dibincangkan melalui pembentangan mengenai Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital ASEAN (DEFA) oleh Mahirah Mahusin dari ERIA, yang menekankan peranan DEFA dalam menyelaraskan peraturan ASEAN mengenai data, perdagangan digital, dan inovasi bagi mengukuhkan peluang digital rentas sempadan.

Inovasi dan keusahawanan turut diketengahkan dalam Pembentangan mengenai Startup673 yang disampaikan oleh Syu'aib Rafie dari BEDB dan Pasukan Kerja Startup673.

Sesi tersebut menonjolkan peranan Startup673 dalam menyokong usahawan digital muda, diikuti dengan pembentangan daripada alumni

hackathon negara - Ahmad Farid Dato Haji Ali dari SOLVE Company, dan Mustafizar Salleh dari ASUH, yang menunjukkan bagaimana inovasi yang dipacu belia boleh diterjemahkan kepada penyelesaian digital yang berskala.

Forum tersebut diakhiri dengan panel bertajuk Trend Digital yang Membentuk 2026, dengan para panelis membincangkan evolusi pesat AI, peraturan digital yang sedang berkembang, risiko keselamatan siber, dan peningkatan jangkaan terhadap perkhidmatan digital yang lancar.

Perbincangan tersebut mengukuhkan keperluan bagi organisasi untuk memperkukuh kesiapsiagaan digital, kapasiti bakat dan kedayatahan bagi kekal berdaya saing pada tahun mendatang.

Secara keseluruhan, Forum Ekonomi Digital Brunei 2025 menegaskan komitmen seluruh negara untuk membangunkan ekonomi digital yang berhubung, inovatif, dan bersedia untuk masa depan.

Dengan menghimpunkan perspektif nasional dan serantau daripada rangka kerja integrasi ASEAN hinggalah kepada pembangunan infrastruktur dan 'startup' tempatan, forum ini menandakan satu langkah bermakna ke hadapan dalam menempatkan Brunei untuk penyertaan aktif dalam ekonomi digital ASEAN dan APEC serta memperluas peluang untuk perdagangan dan pertumbuhan digital.

Keutamaan nasional turut dibincangkan dalam Pembentangan mengenai Ekonomi Digital Brunei, di mana Ketua Pegawai Eksekutif Datastream Digital, Radin Sufri Radin Basiuni berkongsi dapatan utama daripada Laporan Ekonomi Digital Brunei yang merangkumi kesiapsiagaan infrastruktur, trend penggunaan, dan peluang sektor yang sedang berkembang.



SEKITAR Forum Ekonomi Digital Brunei (Brunei Digital Economy Forum) 2025 yang berlangsung di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (atas kiri, atas kanan dan bawah).



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kepentingan Pendidikan Dalam Membangunkan Negara'. Tarikh Tutup : 10 Disember 2025
2. 'Ancaman Pencemaran Udara Terhadap Kesihatan Masyarakat'. Tarikh Tutup : 17 Disember 2025
3. 'Memerangi Rasuah Dari Akar Umbi'. Tarikh Tutup : 24 Disember 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Anjung Saujana perkenalkan identiti baharu



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Disember. - Restoran Anjung Saujana memperkenalkan identiti terbaharunya di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, di sini, pada Acara Anjung Saujana Berwajah Baharu (Anjung Saujana Refreshed Look).

Hadir menyempurnakan acara tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim, selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir, Ahli-ahli Lembaga Pengarah RBC; pegawai-pegawai dari MTIC, Jabatan Penerbangan Awam (DCA); tetamu jemputan dan wakil media.

Terdahulu, Pengurus Besar Royal Brunei Culinary (RBC),

Awang Haji Jeff Hadiman bin Dato Paduka Haji Danial dalam ucapan alu-aluannya berkata, penjenamaan semula itu datang pada masa yang tepat, ketika RBC menyambut Ulang Tahun Ke-50.

Tambahnya, RBC berusaha membawa 'Taste of Modern Brunei' atau cita rasa kulineri moden tempatan kepada semua.

Jelasnya lagi, The Airport Restaurant mewakili warisan kulineri lapangan terbang, manakala Anjung Saujana mengetengahkan masakan kontemporari yang moden. 'The Airport Restaurant by Anjung Saujana' pula menggabungkan kedua-dua konsep tersebut menjadikannya sebuah warisan yang diperbaharui.

Kini dijenamakan semula sebagai 'The Airport Restaurant by

Anjung Saujana', perubahan ini menandakan lembaran baharu bagi restoran tersebut dan semakin mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi makan utama di lapangan terbang.

Selama lima dekad, pelbagai versi 'The Airport Restaurant' telah diuruskan oleh RBC, dan sepanjang tempoh itu, ia telah menyajikan pelbagai generasi pelancong serta pengunjung tempatan dengan cita rasa yang telah menjadi sebahagian daripada landskap kulineri lapangan terbang.

Anjung Saujana telah lama dikenali dengan gabungan masakan tradisional dan kontemporari.

Dengan identiti baharu ini, The Airport Restaurant by Anjung Saujana mengekalkan legasi tersebut sambil mempersembahkan penampilan, hala tuju jenama dan pengalaman



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir dan seterusnya menyempurnakan Acara Anjung Saujana Berwajah Baharu (Anjung Saujana Refreshed Look) (atas dan kiri).

makan yang diperbaharui.

Sebagai sebahagian daripada identiti baharu itu juga, restoran tersebut baru-baru ini menyelesaikan penaiktarafan dapur utama, memperkenalkan dapur pameran yang dikemas kini, dan mengembangkan kapasiti tempat duduk untuk meningkatkan keselesaan bagi pelancong dan pengunjung.

Kaunter baharu untuk pameran kek dan pastri, bersama menu kuih Melayu, turut diperkenalkan.

Bagi meraikan pelancaran semula ini, The Airport Restaurant akan menawarkan pilihan menu nostalgia terpilih sepanjang bulan Disember.

Hidangan - hidangan ini, disediakan oleh cef-cef yang telah lama berkhidmat dan menjadi sebahagian daripada

perjalanan restoran tersebut selama beberapa dekad, merangkumi hidangan-hidangan klasik seperti mi *claypot*, *banana split alfresco*, dan kuih jala tradisional, dengan memberikan peluang kepada para pelanggan untuk menikmati semula cita rasa daripada menu terdahulu.

Identiti baharu ini selaras dengan Ulang Tahun Ke-50 RBC dan mencerminkan komitmen syarikat untuk menghargai warisan kulineri sambil terus berkembang.

The Airport Restaurant by Anjung Saujana akan tetap menjadi pilihan yang dipercayai dan dikenali bagi para pengunjung lapangan terbang berkenaan, selain menawarkan keselesaan, konsistensi dan pengalaman menjamu selera yang diperbaharui dalam suasana moden.

MEMPERKASA KRITIKAN SASTERA MELALUI PEMBINAAN KAPASITI, PENINGKATAN KEMAHIRAN PENULISAN



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab hadir selaku tetamu khas serta menyempurnakan penyampaian sijil penghargaan dan cenderamata kepada mentor dan mentee yang diraikan pada Majlis Apresiasi Program Mentor-Mentee Kritikan Sastera 2025.

BERAKAS, Khamis, 4 Disember. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Sastera dan Majalah hari ini menganjurkan Majlis Apresiasi Program Mentor-Mentee Kritikan Sastera 2025 di Balai Sarmayuda, DBP sebagai tanda penghargaan dan apresiasi kepada mentor dan mentee yang berjaya mengikuti siri

bimbingan kritikan sastera sepanjang tempoh lima bulan pelaksanaannya.

Hadir selaku tetamu khas, Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab yang seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil penghargaan dan cenderamata kepada mentor dan mentee yang diraikan.

Program berkenaan merupakan sebahagian daripada usaha DBP untuk memperkasa bidang kritikan sastera melalui pembinaan kapasiti dan peningkatan kemahiran penulisan generasi pelapis.

Selain itu, program berkenaan juga bertindak sebagai platform bagi mengenal pasti penulis dan pengkritik baharu yang dirancang

Oleh : Nurdiyanah Rajami

Foto : Nurdiyanah Rajami, Ihsan Dewan Bahasa dan Pustaka

bagi memastikan warisan kesusasteraan terus subur dari semasa ke semasa.

Melalui kerjasama tenaga mentor berpengalaman dan penyediaan ruang berkarya, penganjuran program berkenaan diharap menjadi pemangkin kepada lahirnya generasi pengkritik sastera yang berkualiti, berwibawa serta berfikir jauh ke hadapan.

DBP sentiasa komited dalam mengangkat kesusasteraan Melayu sebagai benteng budaya bangsa, seiring hasrat memartabatkan tulisan, gagasan dan intelektualisme sastera di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Dalam majlis berkenaan, Pegawai Projek Program Mentor-Mentee Kritikan Sastera 2025, Dayangku Norsafiah binti Pengiran Sapudin yang juga selaku wakil Ketua Bahagian Sastera dan Majalah telah membentangkan laporan pencapaian program. Antaranya, impak pelaksanaan program yang menunjukkan hasil positif seiring dengan objektif penganjuran.

Beliau turut menyatakan peningkatan yang ketara dapat dilihat melalui kemahiran para

mentee dalam aspek penulisan dan pemikiran kritis. Para mentee turut berupaya memberikan hujah dan analisis menggunakan bukti teks, selain lebih yakin menggunakan istilah asas ilmu kritikan.

Seramai 11 orang mentee berjaya menyiapkan esei kritikan dan membuat pembentangan mengenainya.

Majlis diteruskan dengan ucapan daripada mentor, Penolong Profesor, Dr. Maslin bin Haji Jukin/Jukim; dan Awang Muhammad Noor Fauzan Azizi bin Haji Mazne selaku wakil mentee.

Turut ditayangkan, montaj 'Selangkah Bersama : Dari Bimbingan Ke Puncak Fikiran' yang memaparkan sorotan perjalanan 12 sesi bimbingan program.

Sebagai tanda berakhirnya program berkenaan, sesi penyerahan himpunan esei lengkap hasil karya 11 orang mentee diserahkan oleh mentor kepada tetamu khas untuk 'ditindaklanjuti' bagi penerbitan esei dalam majalah Bahana.

Sebelum bersurai, tetamu khas turut menyaksikan pembentangan poster infografik yang merupakan salah satu tugas mentee dalam program berkenaan.



JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN

Bilangan Tawaran:
JBBSB / LTK / 2025-2026 / PPE / 01

Nama Tawaran:
Pengubahsuaian Ruang Pejabat Di Bangunan Cityhall, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (Design And Build)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 23 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2025 – 2026 / 49 / UP / 21

Tajuk Sebut Harga :
Supply And Delivery Paving Paint / Coating System Phase 1 For Seksyen Pemuliharaan Aset, Jabatan Bandaran Seri Begawan

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis, 11 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2025 – 2026 / 69 / UP / 30

Tajuk Sebut Harga :
Fencing And Concrete Slab Works At 'Stor Hijau' Site Office, Jalan Dato Taib, Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis, 11 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

Tajuk Sebut Harga:
RTB/K/135/25-26
Supply And Delivery Of Media Recorder And Playback And Accessories For Post-Production

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan) (Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan) (Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 10 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



Tajuk Sebut harga:
RTB/K/137/25-26
Supply and Delivery of Professional Visual Radio Livestreaming Equipment for RTBGo Services

Bayaran Yuran
(Termasuk e-dokumen):
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas
(Hardcopy) : BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 10 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



PEJABAT PEGUAM NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:
PPN / ASSET / BUU / QTN / 2025 / 11 / 4

Tawaran :
Quotation For Supply, Delivery And Installation Of Furnishes And Fixtures For Hallways At The First Floor, Law Building, Attorney General's Chambers, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, BA1910, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa, 16 Disember 2025



JABATAN AUDIT JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
AUD / BPK / UE / Q&T / 2026-2028 / 02-A

24 Months
Term Contract For Cleaning Services At Bangunan Bahirah, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
23 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER- SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0060 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Building Repair Works At Biodiversity Development Center, Department Of Fisheries

Tarikh Tutup:
Khamis, 18 Disember 2025



JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

1. Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPR(G) / 2025 – 2026
Sebut Harga Perkhidmatan Pemotongan Rumput Tempoh Dua (2) Tahun Bagi Zon 'G'

2. Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPR(I) / 2025 - 2026
Sebut Harga Perkhidmatan Pemotongan Rumput Tempoh Dua (2) Tahun Bagi Zon 'I'

3. Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPR(J) / 2025 - 2026
Sebut Harga Perkhidmatan Pemotongan Rumput Tempoh Dua (2) Tahun Bagi Zon 'J'

Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwat Ugama, Negara Brunei Darussalam Tahun 1446H-1447H / 2025M-2026M

Tarikh Tutup:
Rabu, 3 Rejab 1447H / 24 Disember 2025M



3 Oktober 2017

Semua pihak yang berkenaan diminta hadir pada bila-bila masa sebelum Tarikh 31 Disember 2025.

Kehadiran adalah penting bagi memastikan proses penyelarasan dapat dilakukan dengan teratur dan mengikut ketetapan undang-undang.

1. Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPPB / MIB / 2025 - 2026
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 12 Bulan Bagi Ma'had Islam Brunei, Tutong

2. Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SULK / 2025 - 2026
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Agama Lambak Kanan, Brunei IIA

3. Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUJ / 2025 - 2026
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Agama Jerudong, Kawasan Brunei III

Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwat Ugama Tahun 1446H-1447H / 2025M – 2026M

Tarikh Tutup :
Rabu, 26 Jamadilakhir 1447H / 17 Disember 2025M



Tarikh : 18 November 2025

**Hajah Hazarena Binti POKSJD
Haji Abu Hurairah
Pemangku Pegawai Waris
Mahkamah Besar Sivil
Bandar Seri Begawan.**



PASTIKAN AWDA MEMENUHI SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BAGI JAWATAN YANG AKAN DIPOHON

Maklumat profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** Skim Iklan akan **tidak disenaraipendekkan**



MAHKAMAH BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Notis Pemberitahuan
Mahkamah Pegawai Waris
Negara Brunei Darussalam**

Pejabat Pendaftaran Waris ingin memohon kerjasama Pentadbir atau Ahli-ahli Waris bagi Allahyarham / Allahyarham / Mendiang di bawah supaya akan dapat hadir ke Mahkamah Besar Sivil bagi tujuan penyelarasan pembayaran: -

1. Han Cheow Kwang – Meninggal dunia pada 6 Januari 2016.
2. Hajah Hazizah binti Haji Abd Hamid – Meninggal dunia pada 24 Februari 2016.
3. Siti Norjariah binti Awang Haji Tengah – Meninggal dunia pada



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
(III & IV Sahaja)

Kategori:
[KA01 & M03 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
16 Disember 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:
23 Disember 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 045 / 2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja
Operasi dan Pemeliharaan Di Loji
Rawatan Air Batang Duri,
Temburong 2026 - 2029

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan**

Kelas:
II Dan III Sahaja

Kategori:
B01 Dan KA01

Bilangan Tawaran:
JKR/DBSBM037/2025

Nama Tawaran:
Penggantian Pagar Keliling Di Istana
Darul Aman, Jalan Tanjong Batu,
Muara, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
25 November 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
9 Disember 2025



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
(III, IV & V Sahaja)

Kategori:
[Specialist Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
16 Disember 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:
23 Disember 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 046 / 2025

Nama Projek:
Penambahbaikan Rangkaian
Sistem Paip Air Utama dan
Tangki-Tangki Air Bagi Semua
Daerah: Kerja-Kerja Reka Bentuk
dan Pemasangan Sistem Mitigasi
Gangguan Alternating Current
(AC) Bagi Paip-Paip Utama
Sepanjang Lebuh Raya Muara -
Tutong - Kajian Model Mitigasi
Gangguan Alternating Current
(AC) Bagi Paip Air Utama Bukit
Barun Peringkat 7
(Fasa 1)

Yuran Tawaran :
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :



**PERATURAN
PENGIKLAMAN**
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA**.



Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Notis Tawaran Jualan Lelong
Secara Sebut Harga**

JPE / AMSF / AUC / 02 / 25
Empat Unit HVAC Dan Aksesori

Dokumen Tawaran:
Tingkat 1,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas.

2387000 sambungan
216 - pengambilan borang
tawaran

3551 - Tempahan Jadual Lawatan

Harga Borang BND:
BND10.00

Tarikh Dibukakan:
Isnin,
1 Disember 2025

Penyerahan Dokumen:
Peti Tawaran
Lobi, Bahagian Pengurusan Aset
dan Kemudahan Penyimpanan,
Stor Utama Gadong,
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jalan Pengiran Babu Raja

Tarikh Tutup:
Rabu,
31 Disember 2025
Jam 3.00 Petang

Tarikh Dan Tempat Lawatan:
Pada hari dan waktu bekerja
Isnin - Khamis & Sabtu
9.00-11.00 sebelah PAGI sahaja

Bertempat :
Bangunan Pejabat Stesen
Janakuasa Gadong 2
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Batu Bersurat



**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bil. Sebut Harga:
13 / KHEU / BTM / 2 / RFP / 2025
Supply, Delivery, Installation,
Setup, Configuration, Testing And
Maintenance For Cabling And
Network Accessories At
Religious Schools, Temburong
And Belait Districts,
Ministry Of Religious Affairs

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
10 Disember 2025
Jam 2.00 Petang

**Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 091 / 2025

Tajuk:
Provision Of Transformers
Inspection And Maintenance In
DES Power Stations For 4 Years

Tarikh Tutup:
9 Disember 2025
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran
Pengerusi Lembaga Tawaran
Kecil, Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1, Bangunan
Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan:

Kategori:
E03

Kelas:
III, IV Atau V

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan-penerangan yang
lanjut bolehlah diperolehi dari
Kaunter Unit Tawaran,
Tingkat Empat (4),
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Negara Brunei Darussalam.

Perhatian:
Sila bawa salinan Sijil
Pendaftaran di Kementerian
Pembangunan semasa
mengambil dokumen di Kaunter
Tawaran, Tingkat Empat(4),
Ibu Pejabat Jabatan
Perkhidmatan Elektrik,
Negara Brunei Darussalam.





KEMENTERIAN PENDIDIKAN

MOE / LTK / 75 / 2025 / 2026
(JPPE-NOV-2025)

Replacement Of Damaged
Air-Conditioner For
Ministry Of Education
Zone 4 (Tutong),
Negara Brunei Darussalam.

Kelas:
II / III

(Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam)

Kategori:
M01

Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran:
BND30.00

[Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:
Sabtu,
13 Disember 2025

Tarikh Tutup Dan Waktu:

Selasa,
16 Disember 2025
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]



Pusat Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
MOE/LTK/53/2025/2026
(PTP-OGOS-2025)

Tajuk Tawaran:
Phase 2025/2026:
The Supply, Delivery, Installation,
Commissioning and Warranty of
Interactive Panels and Network
Attached Storage (NAS) for the
Ministry of Education

Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran:
BND35.00
(Bayaran Yuran Tawaran sebanyak
BND30.00 dan E-Dokumen sebanyak
BND5.00 tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup dan Waktu:
12 Januari 2026 (Isnin)
Tidak lewat jam 2.00 petang

Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:
5 Januari 2026 (Isnin) jam 2.45 petang

Information Day:
11 Disember 2025 (Khamis)
Jam 9.00 pagi

Tempat:
Bilik Latihan 02 (Training Room 02),
Blok A, Tingkat 1,
Pusat Pembelajaran Sepanjang
Hayat (L3C), Kg Lambak Kanan



JABATAN
MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan:
JMM / JKSH / Q&T / 2025 / 20

Sebut harga Untuk:
Tawaran Bagi Membekalkan
Jamuan Secara Berkontrak
Selama Satu (01) Tahun Bagi
Mesyuarat Pertama dan Kedua
Dari Musim Permesyuaratan
Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara
dan Raptai; dan Majlis-Majlis,
Mesyuarat-Mesyuarat, Kunjungan
Hormat dan Lawatan Bagi Jabatan
Majlis-Majlis Mesyuarat Bagi
Tahun 2026

Tarikh Tutup:
16 Disember 2025



جانبه كاجي جولا بروني دارالسلام



JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Bilangan Sebut Harga:
JKBD / 2025 / SH - 22

Sebut Harga bagi Perkhidmatan
/ Pembekalan:

Kerja-Kerja Pembuatan Aluminium
Louver Wall Di Bangunan
Ibu Pejabat Jabatan Kajicuaca
Brunei Darussalam

Hari / Tarikh / Waktu Tutup:
Rabu,
10 Disember 2025
Sebelum jam 9.00 Pagi

Kepada;
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kajicuaca Brunei
Darussalam
Tingkat 1, Blok B23,
Flat Anggerek Desa,
Simpang 32-37,
Kampung Anggerek Desa,
Mukim Berakas,
BB3713
Negara Brunei Darussalam



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
3. Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (www.recruitment.gov.bn)
4. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
5. Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sebarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
6. Lengkapkan Maklumat (Surat / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipertingkatkan di dalam skim iklan)

+673 7371961 PSC.BN query@spa.gov.bn

Isikan WhatsApp: Suruhannya Perkhidmatan Awam

PSC.BN

	JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1.	PEKERJA AM TINGKAT I KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2025/NOV/02/KHEU	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	02	7(A)	10 DISEMBER 2025
2.	PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI D.3 EB.4 (BAHAGIAN IV) 2025/NOV/01/KHLN	KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI	01	7(A)	13 DISEMBER 2025
3.	JURUTULIS JAWI BALAI KHAZANAH ISLAM SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2025/NOV/04/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	13 DISEMBER 2025
4.	BILAL TINGKAT II JABATANARAH AGAMA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI D.1-2 EB.3 (BAHAGIAN IV) 2025/NOV/02/KPTH	KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	7(A)	13 DISEMBER 2025
5.	PENGERUSI LEMBAGA BANDARAN JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN SUPERSCALE B (BAHAGIAN I) 2025/NOV/03/KHDN	SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM	01	38(A)	13 DISEMBER 2025
6.	JURUUKUR KANAN JABATAN UKUR B.3 (BAHAGIAN II) 2025/NOV/04/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	03	38(B)	13 DISEMBER 2025
7.	JURUTEKNIK KANAN BAHAGIAN PENYAKIT JANTUNG KEMENTERIAN KESIHATAN M.8 EB.9 (BAHAGIAN III) 2025/NOV/01/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	02	38(B) JKK-MQH	13 DISEMBER 2025

PERINGATAN
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN
KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG
DILAWAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

MAKLUMAN
TATACARA PENYAMPAIAN DAN
MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat 1,
Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja
iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.
Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditiadakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan
melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PERATURAN-PERATURAN IKLAN JAWATAN
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)

Bab 7(A)

Peraturan 7(A): Dibukakan kepada
orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat
dengan Perkhidmatan Awam Negara
Brunei Darussalam.

*termasuk Gaji Hari, Luar Bidang Kuasa
SPA dan Luar Negeri



Bab 38(A)

Peraturan 38(A): Khusus bagi
Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang
sedang berkhidmat di Perkhidmatan
Awam Negara Brunei Darussalam.

*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA



Bab 38(B)

Peraturan 38(B): Khusus bagi
Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang
sedang berkhidmat di Kementerian
atau Jabatan dimana kekosongan
jawatan diiklankan.

*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA



SILA IMBAS UNTUK
KHUTBAH LENGKAP

RASUAH; PERBUATAN KEJI & DILARANG DALAM AGAMA ISLAM

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 14 Jamadilakhir 1447H / 05 Disember 2025M



AGAMA ISLAM MENGHARAMKAN RASUAH KERANA IA MENGANDUNGI
BANYAK KEBURUKAN BUKAN SAHAJA TERHADAP DIRI
SENDIRI BAHKAN JUGA KEPADA ORANG LAIN



DI ANTARA KEBURUKAN-KEBURUKAN DARI PERBUATAN
MEMBERI DAN MENERIMA RASUAH ADALAH:

RASUAH MENGAMBIL
HAK ORANG LAIN
SECARA BATIL

PENGKHIANATAN
TERHADAP AMANAH-
AMANAH YANG DIBERIKAN

MENZALIMI ORANG
LAIN

PERBUATAN YANG BUKAN SAHAJA
MEMUDARATKAN DIRI SENDIRI
BAHKAN ORANG LAIN

PERBUATAN MENERIMA RASUAH UNTUK MENOLONG
MEMBENARKAN YANG BATIL ADALAH BENTUK
TOLONG-MENOLONG DALAM PERKARA DOSA

PUNCA-PUNCA
YANG
MENYEBABKAN
RASUAH ITU
BERLAKU



IMAN YANG LEMAH

HATI DIPENUHI DENGAN
SIFAT TAMAK

SOSIOEKONOMI YANG
TIDAK STABIL

KELEMAHAN KEPIMPINAN,
PENGURUSAN & PENTADBIRAN





Rasuah : Perbuatan keji dan dilarang dalam agama Islam

membolehkan perkara yang dihajati dapat diperoleh, diselesaikan, disegerakan dan seumpamanya. Selain itu, perbuatan salah guna kuasa juga tersenarai antara kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 yang membawa hukuman denda BND30,000 dan penjara tujuh tahun.

Sesungguhnya rasuah itu merupakan antara perbuatan yang keji dan dilarang dalam agama kita. Perlu diingat, bahawa individu yang memberi dan menerima rasuah itu bukan sahaja mendapat dosa besar, bahkan juga mendapat laknat Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Abdullah bin Amru Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Laknat Allah ke atas pemberi rasuah dan penerima rasuah". (Hadis Riwayat Ibnu Majah)

Agama Islam mengharamkan rasuah kerana ia mengandungi banyak keburukan, bukan sahaja terhadap diri sendiri bahkan juga kepada orang lain. Di antara keburukan daripada perbuatan memberi dan menerima rasuah ialah :

Pertama : Rasuah mengambil hak orang lain secara batil.

Kedua : Menzalimi orang lain.

Ketiga : Perbuatan rasuah merupakan pengkhianatan terhadap amanah-amanah yang diberikan. Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan untuk menunaikan amanah dan jangan mengkhianatinya sebagaimana firman-Nya dalam Surah Anfal, ayat 27 :

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah (yang diamanahkan kepada) kamu sedang kamu mengetahui".

Keempat : Perbuatan rasuah merupakan perbuatan yang bukan sahaja memudaratkan diri sendiri bahkan orang lain. Agama kita melarang umatnya mendatangkan mudarat kepada orang lain. Daripada Abu Musa Al-Asyari Radiallahuanhu dia berkata, wahai Rasulullah, orang Islam yang bagaimanakah yang paling utama?

Baginda menjawab :

Maksudnya : "Siapa pun daripada kaum Muslimin yang selamat daripada bahaya lisan dan tangannya". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Kelima : Perbuatan menerima rasuah untuk menolong membatalkan sesuatu hak atau membenarkan yang batil adalah bentuk tolong-menolong dalam perkara dosa. Allah Subhanahu Wata'ala melarang umat Islam tolong-menolong dalam perkara sedemikian sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Maidah, ayat 2 :

Tafsirnya : "Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketakwaan dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah). Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat berat seksanya".

Isu rasuah bukanlah isu yang baru muncul di era moden ini. Rasuah memang pernah berlaku sejak dari dahulu lagi. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri pernah dirasuah. Ketika Baginda mula diutus menjadi rasul, Baginda telah mendapat tantangan daripada kaum Baginda sendiri iaitu kaum Quraish. Mereka bertindak pelbagai cara untuk menghalang misi dakwah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam termasuk dengan rasuah.

Ibnu Kathir menceritakan di dalam Kitab al-Bidayah wan-Nihayah sebuah riwayat daripada Ibnu Ishak, kisah penawaran Utbah sebagai wakil orang-orang kafir Quraish terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam agar Baginda menghentikan misi dakwah Baginda. Di antara tawaran tersebut ialah harta dan jawatan. Baginda menolak tawaran tersebut. Begitu lah sikap pemimpin kita yang agung, Baginda bukanlah seorang yang boleh ditawar-tawar dalam memperjuangkan misi dakwah Baginda. Baginda tidak makan sogokkan demi perjuangan Baginda menegakkan kalimah tauhid di muka bumi ini.

Sesungguhnya rasuah adalah perbuatan yang perlu dicegah di peringkat awal lagi. Ini kerana apabila ia menular, maka ia akan

sukar untuk dibendung. Sudah setentunya tidak ada di antara kita yang ingin melihat dan membiarkan rasuah ini menyengsarakan kehidupan kita, masyarakat dan juga negara. Oleh itu, untuk mencegahnya, kita perlu tahu puncanya terlebih dahulu. Adapun punca-punca yang menyebabkan rasuah itu berlaku adalah :

Pertama : Iman yang lemah.

Kedua : Hati dipenuhi dengan sifat tamak.

Ketiga : Sosioekonomi yang tidak stabil.

Keempat : Kelemahan kepimpinan, pengurusan dan pentadbiran. Ini kerana apabila kepimpinan, pengurusan dan pentadbiran lemah dalam sesuatu organisasi, maka akan terbukalah ruang-ruang yang menyebabkan berlakunya penyelewengan khususnya rasuah.

Rasuah itu amat besar bahayanya sehingga melibatkan bangsa dan juga negara. Oleh itu, hindarkanlah diri, bangsa dan juga negara kita daripada gejala rasuah. Sebagai umat Islam, kita hendaklah menjauhi dan menghindarkan diri daripada perbuatan rasuah yang ditegah dan dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Akhirnya, marilah kita berdoa agar kita dijauhkan daripada melakukan perbuatan keji seperti rasuah dengan sentiasa menanamkan sikap amanah, jujur dan ikhlas dalam setiap tugas dan pekerjaan serta sentiasa tolong-menolong dalam perkara kebaikan dan mencegah daripada berbuat kejahatan. Mudah-mudahan dengan demikian, kita akan mendapat keredaan, keberkatan dan rahmat yang berpanjangan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Dan janganlah kamu makan harta (orang lain) antara kamu dengan jalan yang batil dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim supaya kamu dapat mengambil sebahagian daripada harta orang dengan cara berbuat dosa padahal kamu mengetahui salahnya". (Surah Al-Baqarah, ayat 188)

Kem membentuk kepimpinan dalam diri belia



PENOLONG Ra'es III, Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni, KUPU SB, Dr. Awang Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta (kiri dan kanan).



Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad

dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah Penolong Ra'es III, Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni, KUPU SB, Dr. Awang Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk.

Seramai 27 peserta terdiri daripada ahli-ahli dalam Persatuan-persatuan Belia / Badan Kebajikan dan penuntut-penuntut sekolah menengah kerajaan dan bukan kerajaan di Daerah Belait menyertai kem berkenaan.

Kem Belia Remaja ini merupakan anjuran Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Daerah Belait dengan kerjasama KUPU SB. Antara inti pati kem berkenaan termasuk Ceramah 'Motivasi Belia dan Keugamaan'; aktiviti perkumpulan, keagamaan dan rekreasi serta Taklimat DBNS dan aplikasi Mengalinga.

Adapun tujuan kem diadakan ialah untuk melatih para belia untuk hidup berdisiplin dan menyemai semangat kepimpinan dalam berpasukan. Di samping itu, ia juga untuk memberikan pengalaman yang bermanfaat dalam membina keyakinan diri para belia itu sendiri.

BELAIT, Rabu, 3 Disember. - Kem Belia Remaja kali ini bertujuan untuk melatih dan membentuk kepimpinan dalam diri belia untuk memiliki sahsiah terpuji.

Ia juga bagi meningkatkan jati diri belia selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 3 November 2020.

Sehubungan itu, dalam usaha membantu melahirkan generasi muda yang berkualiti dan berwawasan tinggi sebagai pelapis

kepada kepimpinan negara, Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Daerah Belait mengambil inisiatif mengadakan Kem Belia Remaja 2025 khusus bagi belia-belie dalam melatih mereka dengan semangat, menanam sifat kepimpinan dan mewujudkan hubungan kerjasama secara berkumpulan.

Kem tersebut berlangsung selama tiga hari bermula 1 Disember 2025 dan berakhir petang tadi dengan satu Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil kepada para peserta berlangsung di Bangunan Kelas 'B', Pejabat Jabatan Belia dan Sukan, Jalan Maulana, Kuala Belait, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat

MEMBARIGAKAN MENGENAI KEADAAN CUACA SEMASA NBD

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BERAKAS, Khamis, 4 Disember. - Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) mengadakan Taklimat Cuaca Kebangsaan Kali Ke-26 yang berlangsung di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan, hari ini.

Seramai 114 peserta, terdiri daripada wakil agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dan orang ramai, menghadiri sesi berkenaan yang disampaikan oleh Pegawai Kajicuaca, Awang Muhammad 'Afifi bin Junaidi.

Taklimat berkenaan merupakan salah satu inisiatif BDMD dalam

usaha meningkatkan penglibatan kumpulan-kumpulan pengguna seperti Kumpulan Tindakan Awal dan Keselamatan, Kumpulan Ekonomi dan Industri, syarikat-syarikat pembinaan, syarikat-syarikat insuran, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta pihak media massa.

Matlamat utama taklimat berkenaan diadakan adalah untuk meningkatkan kefahaman dan kepekaan pelbagai kumpulan pengguna dan orang ramai mengenai dengan keadaan cuaca semasa bagi Negara Brunei Darussalam (NBD).

Taklimat berkenaan juga

akan dapat memudahkan cara kesiapsiagaan kumpulan pengguna dan orang ramai dalam membuat perancangan dan sebarang tindakan awal dalam menghadapi sebarang keadaan cuaca.

Selain itu, taklimat juga memfokuskan kepada keadaan cuaca, iklim dan ramalan cuaca jangka panjang bagi Monsun Timur Laut yang telah bermula pada 18 November 2025 dan dijangka berterusan sehingga hujung Mac 2026, dan juga bagi tempoh peralihan monsun bermula dari April sehingga hujung Mei 2026.

Pada dua bulan pertama Monsun Timur Laut - MTL (Disember 2025 dan Januari 2026), dikenali sebagai musim tengkujuh, negara lazimnya mencatatkan jumlah turunan hujan yang tinggi dengan hari berhujan yang banyak berbanding bulan-bulan yang lain.

Semasa tempoh berkenaan, keadaan cuaca adalah tidak menentu, dengan hujan atau hujan berpetir sekali-sekala lebat berlaku terutamanya pada waktu malam hingga awal pagi. Semasa tempoh

separuh kedua MTL (Februari dan Mac 2026), keadaan atmosfera cenderung menjadi lebih stabil dengan pengurangan aktiviti turunan hujan.

Manakala, sepanjang tempoh peralihan monsun, negara lazimnya mengalami keadaan cuaca cerah pada waktu pagi dan hujan berasingan berlaku di kawasan pesisiran sekitar tengah hari. Kekerapan kejadian ribut petir adalah tinggi semasa tempoh peralihan monsun ini berbanding bulan-bulan yang lain, terutamanya di kawasan pedalaman negara pada sebelah petang dan merebak ke kawasan pesisiran dan perairan negara pada waktu malam, dan kadangkala berlanjutan sehingga awal pagi keesokan harinya.

Berdasarkan model ramalan daripada pusat-pusat iklim antarabangsa, fenomena La Niña yang pada masa ini berlaku di Lautan Pasifik dijangka akan berterusan, dengan peralihan kepada ENSO-neutral dijangka berlaku pada Januari hingga Mac 2026 (61 peratus kebarangkalian).

Pada lazimnya, salah satu impak fenomena La Niña terhadap NBD adalah keadaan yang lebih lembap daripada biasa, dengan peningkatan jumlah turunan hujan berbanding jumlah purata.

BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika



PEGAWAI Kajicuaca, Awang Muhammad 'Afifi bin Junaidi semasa menyampaikan taklimat di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.



SESI tersebut telah dihadiri oleh seramai 114 peserta, terdiri daripada wakil agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dan orang ramai.

perlu. Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit Brunei WX, kerana, maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook (@bruneiweather), Instagram (@brunei.weather) dan saluran Telegram Brunei Weather.

Memperkasa pendidikan kesihatan melalui media digital

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BERAKAS, Khamis, 4 Disember. - Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan pagi tadi mengadakan Majlis Penghargaan Penghasilan Video Pengumuman Perkhidmatan Awam (PSA) Pemakanan Sihat, bertempat di Studio 2, PPK.

Majlis tersebut merupakan sebahagian daripada kerjasama di antara Kementerian Kesihatan dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) bagi meningkatkan kesedaran awam mengenai amalan pemakanan sihat melalui penghasilan kandungan digital yang kreatif oleh pelajar tempatan.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ketua Pegawai Eksekutif, PPK, Awang Haji Mohammad Firdey Hazarullah bin Haji Mohd. Zain.

Juga hadir, Pengarah Pusat Penyelidikan Sains dan Teknologi Agrimakanan (CrAFT), UTB, Dr. Syazana Abdullah Lim; Ketua Program Creative Computing, School of Computing and Informatics, UTB, Pengiran Dr. Haji Azhan bin Pengiran Haji Ahmad; dan Pensyarah Modul, UTB, Dayang Noor Deenina binti Haji Mohd. Salleh.

Kehadiran kedua-dua pihak dalam majlis berkenaan mencerminkan komitmen yang kukuh di antara kedua-dua agensi dalam memperkasakan pendidikan kesihatan melalui media digital sesuai dengan arus pemodenan yang semakin pesat.

Kerjasama tersebut memberi peluang kepada pelajar UTB, khususnya dari modul Motion Graphic Design di bawah Program Creative Computing, School of Computing and Informatics, untuk menghasilkan video PSA

SESI bergambar ramai pada Majlis Penghargaan Penghasilan Video Pengumuman Perkhidmatan Awam (PSA) Pemakanan Sihat.

Pemakanan Sihat sebagai sebahagian daripada tugas kursus.

Manakala, PPK pula memainkan peranan penting dalam menilai ketepatan mesej kesihatan, kesesuaian kandungan dan keberkesanan penyampaian bagi memastikan bahan yang dihasilkan adalah selaras dengan dasar dan mesej pemakanan sihat Kementerian Kesihatan.

Tiga pelajar UTB yang telah dipilih untuk menerima penghargaan bagi penghasilan video PSA Pemakanan Sihat iaitu Awang Md. Mahyuddin Solihin Shamsuddin - 'Eat Healthy, Grow Healthy by Md. Mahyuddin Solihin Shamsuddin', yang menekankan kepentingan membuat pilihan makanan yang lebih sihat dalam kehidupan seharian melalui penderungan ringkas dan visual yang mudah difahami.

Dayang Iffah Izyany binti Muhammad Nawawie - 'Healthy Eating Habits by Iffah Izyany', yang memfokuskan kepada pembentukan tabiat pemakanan sihat, termasuk pengawalan saiz hidangan dan pengambilan lebih banyak buah-buahan dan sayur-sayuran.

Awang Abdul Wafi bin Abd. Razak - 'Meet The Food Force by Abdul Wafi bin Abd. Razak', yang menggunakan watak animasi dan penceritaan kreatif untuk menggalakkan kanak-kanak dan remaja mengenali makanan berkhasiat sebagai 'wira' yang membantu kesihatan tubuh



badan.

PPK berhasrat untuk menyiarkan video-video yang terpilih ini melalui Radio Televisyen Brunei (RTB), selain dikongsikan di platform media sosial rasmi Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan.

Video-video berkenaan juga akan digunakan sebagai bahan pendidikan dalam sesi ceramah, jerayawara dan aktiviti kesihatan di sekolah-sekolah, serta dipaparkan di klinik dan hospital kerajaan serta klinik swasta yang berminat, bagi memperluas capaian mesej pemakanan sihat kepada orang ramai di pelbagai peringkat.

Melalui inisiatif berkenaan, pelajar UTB bukan sahaja

memperoleh pengalaman pembelajaran berasaskan projek sebenar yang memberi impak sosial, malah PPK mendapat akses kepada kandungan digital yang inovatif untuk menyokong strategi promosi kesihatan dan pencegahan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) di Negara Brunei Darussalam.

CrAFT pula akan terus komited untuk memberi sokongan kepada inisiatif kebangsaan melalui penyelidikan, inovasi dan penghasilan kandungan berimpak tinggi, sekali gus membuka ruang kerjasama antara penyelidik, pelajar dan agensi kerajaan dalam mempromosikan amalan gaya hidup kepada masyarakat.

Dengan adanya kerjasama ini akan membuka lebih banyak ruang untuk diterokai bersama UTB pada masa akan datang, khususnya dalam pembangunan aplikasi interaktif dan permainan serius (*serious games*) yang dihasratkan dapat dimanfaatkan bagi mempertingkatkan lagi tahap kesihatan masyarakat melalui penggunaan teknologi digital.

Untuk makluman lanjut mengenai inisiatif dan mesej promosi kesihatan terkini dari PPK, orang ramai bolehlah menghubungi PPK menerusi talian +673 2385800 atau e-mel hpc@moh.gov.bn serta mengikuti akaun media sosial rasmi @hpcbrunei.

Memperkukuh hubungan budaya NBD, Republik Turkiye



DEMONSTRASI 'Cerminan Air : Pameran Seni EBRU' berlangsung di Ruang Legar Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Disember. - Bagi memperkukuh hubungan budaya antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Turkiye, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), Kedutaan Republik

Turkiye dan Institut Yunus Emre mengadakan Demonstrasi 'Cerminan Air : Pameran Seni EBRU' berlangsung di Ruang Legar BKISHHB, hari ini.

Demonstrasi tersebut diterangkan oleh Pengarah Institut Yunus Emre (YEE) Republic of

Turkiye, Madam Lale Ersoy.

Demonstrasi ini adalah salah satu program di bawah dua kursus seni tradisional Turkiye iaitu Seni Marbling Air Ebru dan Kaligrafi Gaya Riq'ah yang telah dilancarkan pada bulan Julai lepas dan bermula pada 4 Ogos tahun ini.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Alishahrin Haji Mumin



Ia juga memberikan peluang kepada orang awam untuk lebih mendalami warisan budaya Turkiye, khususnya melalui seni yang kaya dengan nilai spiritual dan sejarah.

Program tersebut bukan sahaja bersifat pembelajaran tetapi juga sebagai penghayatan terhadap nilai-nilai budaya dan kerohanian yang menjadi teras kepada seni tradisional Turkiye.

SIJIL HALAL DIBATALKAN, PENEMUAN BERUS BULU KHINZIR



DUA batang berus yang diperbuat daripada bulu khinzir yang didapati telah digunakan untuk menyalai makanan di premis tersebut (kiri dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

TUTONG, Rabu, 3 Disember. - (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Kementerian Hal Ehwal Ugama Syariah (JHES) memaklumkan

bahawa Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMh) di bawah kuasa yang diberikan oleh Majlis Ugama Islam Brunei di bawah Bab 6(3), Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005, telah membatalkan Sijil Halal dan Sijil Penyelia Halal Majlis Ugama Islam Brunei yang dikeluarkan terhadap Restoran Tandakasih, Cawangan Kampung Keriam, Tutong, berkuat kuasa pada 1 Disember 2025.

Pembatalan ini dibuat susulan penemuan dua batang berus yang diperbuat daripada bulu khinzir yang didapati telah digunakan untuk menyalai makanan di premis tersebut, hasil daripada pemantauan rutin BKMh yang telah dijalankan pada 24 November 2025.

Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan juga telah mengesahkan kemudian mengesahkan dapatan tersebut melalui analisis makmal.

Kes ini sedang disiasat di bawah Bab 37, Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005, yang memperuntukkan bahawa mana-mana pihak yang disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi BND8,000 atau kedua-duanya sekali.

Sehubungan itu, semua pemegang Sijil Halal Majlis Ugama Islam Brunei di negara ini adalah diingatkan agar sentiasa mematuhi peruntukan undang-undang serta syarat-syarat pensijilan halal yang ditetapkan.

KHEU juga menegaskan bahawa setiap pemegang Sijil Halal bertanggungjawab sepenuhnya memastikan segala peralatan, bahan dan proses penyediaan makanan adalah halal, suci serta bebas daripada sebarang unsur yang tidak halal atau meragukan.

Sebarang pelanggaran terhadap syarat pensijilan merupakan suatu perbuatan yang amat serius kerana ia boleh menyebabkan masyarakat Islam di negara ini

Peluang sertai Kempen Derma Darah

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Disember. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan akan mengadakan Kempen Derma Darah.

Orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Kempen Derma Darah akan diadakan pada Rabu, 3 Disember 2025 bertempat di Jab Gym, Tingkat 4, Pavo Point, Bandar Seri Begawan anjuran bersama Jab Gym dan Imagine Sdn. Bhd. Bermula pukul 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan pukul 1.00 petang hingga 3.00 petang.

Sementara itu, pada Khamis, 4 Disember 2025 bertempat di Dewan Utama, Aras Bawah, Bangunan Baru, Kementerian Pendidikan sempena Hari Guru Ke-35, Tahun 2025 anjuran Kementerian Pendidikan bermula pukul 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan pukul 2.00 petang hingga 3.30 petang.

Pada Sabtu, 6 Disember 2025 bertempat di Auto-Magination Services, Tapak Perindustrian Lambak Kanan bermula pukul 10.00 pagi hingga 3.00 petang dan pada Ahad, 7 Disember 2025 bertempat di Perpustakaan Kampung Pandan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Belait anjuran MINDA Youth Movement bermula pukul 9.00 pagi hingga 2.00 petang.

Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula pukul 8.00 hingga 11.30 pagi dan 1.30 hingga 4.00 petang.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.

TARIKH & MASA PENDAFTARAN	TEMPAT
Rabu 3 Disember 2025 9.00 pagi hingga 11.30 pagi & 1.00 petang hingga 3.00 petang	Jab Gym, Tingkat 4, Pavo Point, Bandar Seri Begawan anjuran bersama Jab Gym dan Imagine Sdn Bhd
Khamis 4 Disember 2025 9.00 pagi hingga 11.30 pagi Dan 2.00 petang hingga 3.30 petang	Dewan Utama, Aras Bawah, Bangunan Baru, Kementerian Pendidikan Sempena Hari Guru Ke 35 Tahun 2025 anjuran Kementerian Pendidikan
Sabtu 6 Disember 2025 10.00 pagi hingga 3.00 petang	Auto-Magination Services, Tapak Perindustrian Lambak Kanan
Ahad 7 Disember 2025 9.00 pagi hingga 2.00 petang	Perpustakaan Kampung Pandan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Belait anjuran MINDA Youth Movement

terdedah kepada pengambilan makanan yang tidak halal atau diragui kehalalannya serta mencemarkan integriti sistem pensijilan halal negara.

Pegawai-pegawai Penguatkuasaan BKMh, JHES akan terus menjalankan operasi pemantauan dari semasa ke semasa bagi memastikan pematuhan berterusan terhadap peruntukan undang-undang dan

syarat pensijilan halal.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat atau ingin membuat aduan berkaitan penggunaan atau penjualan produk tidak halal di premis perniagaan boleh menyalurkan aduan terus kepada BKMh, JHES melalui talian +673 7166222 atau dengan hadir ke pejabat BKMh di daerah masing-masing.




ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn



Mengemas ruang digital untuk ketenangan minda

Pengenalan

PERNAHKAH awda berasa seolah-olah sesak nafas melihat skrin penuh dengan ikon aplikasi? Atau berasa panik ketika telefon pintar memaklumkan 'ruang penyimpanan penuh' semasa hendak mengambil gambar penting atau memuat turun bahan penting daripada internet? Ini adalah tanda 'kesesakan digital' yang sudah menjadi tekanan halus kepada diri kita dan tanpa disedari mengikis produktiviti dan ketenangan minda.

'Kesesakan digital' bukan hanya sekadar fail yang banyak. Ia adalah segala yang memenuhi ruang digital kita tanpa menambah nilai seperti beratus-ratus e-mel yang belum dibuka dan dibaca, aplikasi yang dimuat turun tetapi tidak digunakan, gambar duplikat, dokumen lama tanpa tajuk atau nama, dan notifikasi berterusan yang mengganggu fokus. Kesan kekacauan dari 'kesesakan digital' boleh memberi kesan kepada kebolehan visual dan kognitif. Setiap ikon yang tidak diperlukan, setiap e-mel belum dibaca, adalah *microload* kognitif yang memberatkan fikiran tanpa kita menyedarinya dan ini boleh menyumbang kepada kepenatan mental.

Proses pengemasan ruang digital

Kita boleh memulakan proses pengemasan digital dengan melakukan pemeriksaan *folder-folder* yang ada di dalam penyimpanan peranti elektronik kita. Luangkan masa untuk melihat apa yang ada dan kemudian nilai berapa banyak fail

duplikat? Berapa banyak tangkap layar yang sudah tidak relevan? Dan aplikasi apa yang tidak lagi digunakan? Dari sini, kita boleh mula untuk membuang fail atau perisian yang tidak perlu dan hanya akan memenuhi penyimpanan dalam peranti kita.

Hadapi setiap fail dan aplikasi dengan sistem yang menggunakan sistem padam, simpan, rujuk dan ambil tindakan. Padam mana-mana fail yang rosak, gambar kabur, dokumen lama yang benar-benar tidak diperlukan. Simpan dokumen penting seperti pasport, sijil dalam *folder* berasingan yang diberi nama jelas serta tarikh. Rujuk maklumat yang mungkin berguna kelak dan gunakan perkhidmatan penyimpanan awan dengan *tag* dan carian yang baik. Asingkan dokumen atau fail yang memerlukan tindakan, sama ada untuk dipindah atau dipadamkan.

Padam aplikasi yang tidak digunakan dalam masa tiga bulan kebelakangan. Banyak peranti kini mempunyai ciri yang menunjukkan penggunaan aplikasi. Selain itu, kita juga boleh menghadkan notifikasi. Hanya benarkan notifikasi untuk aplikasi komunikasi penting seperti WhatsApp dan kalendar. Susun ikon aplikasi dan kumpulkan aplikasi mengikut fungsi agar skrin peranti tidak kelihatan semak dan penuh. Hanya letak aplikasi yang digunakan setiap hari di skrin utama. Kita juga boleh mengemas ruang digital media sosial kita. Jika suatu akaun tidak memberi inspirasi, maklumat atau kegembiraan, ia boleh dianggap sebagai beban digital. Apa yang boleh dilakukan ialah membuat tindakan seperti keluar daripada kumpulan WhatsApp atau

Telegram yang tidak aktif ataupun tidak relevan.

Antara kaedah lain yang boleh kita guna pakai untuk pengemasan digital ialah menggunakan aplikasi khusus untuk membersihkan fail-fail sementara dalam peranti pintar yang ada. Sebagai contoh, Google Photos atau Apple iCloud boleh mengenal pasti dan mencadangkan gambar duplikat atau kabur untuk dipadam dan CCleaner untuk komputer yang boleh membersihkan fail sementara. Untuk Kata Laluan, kita boleh menggunakan aplikasi pengurus kata laluan seperti Bitwarden atau 1Password. Ia bukan sahaja selamat tetapi juga membolehkan kita untuk melihat semua akaun aktif, memudahkan untuk menutup akaun yang tidak digunakan.

Kebaikan menjaga kebersihan digital secara berterusan

Salah satu kebaikan menjaga atau sentiasa mengemas ruang digital ialah ia boleh meningkatkan produktiviti. Ruang kerja digital yang diperkemas membolehkan kita mencari fail yang diperlukan dengan cepat, menjimatkan masa dan memudahkan kita fokus pada tugas penting. Selain itu, apabila kita sentiasa mengemas ruang digital kita, ia boleh mengurangkan tekanan dan kebimbangan. Persekitaran digital yang bersepadu boleh menyebabkan tekanan sama seperti apa yang boleh dirasakan apabila ruang fizikal tidak kemas.

Mengemas ruang digital membantu mengurangkan beban kognitif dan mewujudkan keadaan mental yang lebih

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Ihsan Freepick

tenang. Ini boleh meningkatkan tumpuan atau fokus kerana ia membantu mengalih keluar gangguan seperti pemberitahuan notifikasi dan fail yang tidak perlu dan membantu menumpukan perhatian dengan lebih baik pada tugas yang sedang dijalankan.

Yang penting juga ialah apabila kita sentiasa melakukan pengemasan digital, ia boleh meningkatkan keselamatan dan sekuriti. Dengan mengatur aset digital, seperti memadamkan akaun dan fail lama, ia membantu kita mengurus maklumat yang disimpan dan menjadikannya lebih mudah untuk melindungi data sensitif.

Kesimpulan

Pengemasan digital bukanlah aktiviti yang dilakukan sekali sahaja, tetapi wajar untuk diamalkan berterusan sebagai rutin secara mingguan ataupun bulanan agar fail atau maklumat yang tidak perlu, tidak akan terkumpul dan menjadikan penyimpanan dalam peranti cepat penuh atau semak. Hasil pengemasan digital bukan sekadar memberi lebih banyak ruang penyimpanan. Ia juga secara tidak langsung mengurangkan gangguan yang boleh memberi impak kepada fokus dan produktiviti kita terutama sekali jika kita menggunakan peranti pintar atau peranti elektronik untuk kerja harian. Apabila ruang digital yang ada kemas dan tidak sesak, kita akan merasa lebih mudah mencari apa yang penting apabila diperlukan.



Statistik Global

Seramai **39.9 juta** orang hidup dengan HIV di seluruh dunia (2023).

1.3 juta kes baharu setiap tahun.

Statistik Tempatan

492 kes HIV dilaporkan sejak 1986.

Majoriti kes baharu dikalangan **lelaki** berumur **20-34 tahun**. (2023)

57 kes baharu pada 2023.

Hari AIDS Sedunia : Selamatkan, sebarkan kasih, bukan stigma

Oleh : Ak.Jeffery Pg. Durahman
Infografik : Ihsan Kementerian Kesihatan

EPIDEMIK AIDS sudah lama menjadi isu kesihatan utama di seluruh dunia, dan masih saja menjadi cabaran sejak empat dekad penyakit tersebut dikesan.

AIDS telah menjadi salah satu penyakit yang paling menakutkan bagi dunia dan sangat berbahaya kerana penyakit ini tidak hanya mengancam nyawa penderitanya sendiri tetapi juga orang lain dari potensi penularan yang besar.

Sebagai langkah untuk memupuk kesedaran AIDS, Hari AIDS Sedunia telah disambut setiap 1 Disember setiap tahun dan ini tidak terkecuali juga kepada negara kita, Negara Brunei Darussalam (NBD) yang juga turut sama dalam menyambut Hari AIDS Sedunia pada tahun ini dengan tema 'Menangani Cabaran Mentransformasi Tindak Balas AIDS' (Overcoming Disruption, Transforming The AIDS Response). Sejak diperkenalkan pada tahun 1988, Hari AIDS Sedunia terus berusaha dalam meningkatkan kesedaran mengenai HIV serta memperingati mereka yang telah meninggal dunia akibat AIDS.

Sebagai sebuah negara yang begitu mengambil berat akan kesejahteraan rakyatnya termasuk kesihatan, kita berpegang teguh bahawa kesihatan ialah hak asasi manusia dan setiap orang berhak mendapat akses kepada penjagaan berkualiti, bebas stigma tanpa mengira latar belakang, keadaan atau sejarah.

Bagi menjamin semua warga mendapat layanan yang baik, ketersediaan, kualiti dan kesesuaian perkhidmatan untuk rawatan, ujian dan pencegahan HIV perlu dipertingkatkan.

Selain itu juga, mengemas kini undang-undang, dasar dan amalan untuk menangani stigma dan pengecualian yang dihadapi oleh orang yang hidup dengan HIV serta yang terdedah dengan risiko tinggi dijangkiti HIV juga perlu supaya tidak terpinggir.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan 40.8 juta orang hidup dengan HIV di seluruh dunia pada akhir tahun 2024, dengan 1.3 juta merupakan kes jangkitan baharu. Sementara itu, seramai 630,000 orang dianggarkan telah meninggal dunia akibat masalah-masalah kesihatan dan jangkitan-jangkitan berkaitan dengan HIV di seluruh dunia.

Selaras dengan tema pada tahun ini yang merupakan tema yang sama digunakan selama dua tahun dan tahun ini merupakan tahun ketiga ia diguna semula adalah semata-mata sebagai seruan untuk memperkukuh usaha global menamatkan AIDS dengan memastikan akses kepada perkhidmatan kesihatan berkualiti tanpa stigma atau diskriminasi bagi mereka yang dijangkiti atau berisiko.

Apa dia HIV?

HIV atau Human Immunodeficiency Virus adalah virus yang menjejaskan serta melemahkan sistem ketahanan badan (*immune system*) seseorang dan boleh mengakibatkan seseorang itu mudah mendapat jangkitan-jangkitan lain serta penyakit-penyakit lain seperti kanser. Peringkat terakhir jangkitan HIV, iaitu Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS) berlaku apabila sistem ketahanan badan seseorang itu menjadi sangat lemah hingga tidak berupaya untuk melawan jangkitan dan juga menangani jangkitan atau penyakit-penyakit lain menyebabkan individu berkenaan menghadapi beberapa masalah kesihatan yang boleh mengancam nyawa. Peringkat AIDS ini boleh dicegah jika jangkitan HIV dapat dikesan awal dan menerima rawatan pada peringkat awal lagi.

Pencegahan dan pengesanan awal jangkitan HIV merupakan komponen penting dalam tindak balas terhadap virus ini. Akses kepada maklumat yang tepat dan kefahaman yang betul terutama mengenai cara penularan jangkitan HIV dapat memperkasakan seseorang itu untuk

mengelakkan diri daripada melakukan aktiviti-aktiviti yang berisiko tinggi.

Situasi HIV di NBD

Di NBD, sejak kes pertama dilaporkan pada tahun 1986 hingga Disember 2024, sebanyak 537 kes HIV telah direkodkan dengan 110 kematian. Pada tahun 2024 sahaja, 44 kes HIV baharu telah dicatatkan, yang mana 90 peratus daripada kes berkenaan terdiri daripada golongan lelaki dan kebanyakan mereka yang terjangkit merupakan golongan muda berusia dalam lingkungan 25 hingga 30 tahun.

Orang-orang yang berisiko tinggi bagi jangkitan HIV adalah mereka yang mengamalkan hubungan seksual rambang dan tidak terlindung, terutamanya hubungan kelamin sesama lelaki (MSM).

Sementara itu, UNAIDS dan WHO, dalam kenyataannya menjelaskan stigma dan diskriminasi merupakan punca utama kebanyakan orang mengelak daripada mendapatkan ujian, mendedahkan status HIV mereka dan enggan untuk mendapatkan rawatan HIV yang boleh menyelamatkan nyawa. Stigma dan diskriminasi ini boleh menyebabkan kematian di kalangan orang yang hidup dengan HIV kerana tidak mahu menjalani ujian dan mendapatkan rawatan yang diperlukan, dan ini turut menyumbang kepada kesan negatif kepada orang yang hidup dengan HIV dan keluarga mereka serta usaha-usaha untuk mengurangkan jangkitan HIV.

Individu yang dijangkiti HIV lazimnya tidak menunjukkan sebarang gejala pada peringkat awal. Oleh kerana itu, mereka yang terdedah kepada risiko jangkitan, adalah disarankan untuk menjalani ujian bagi mengetahui status HIV di klinik kesihatan atau hospital terdekat.

Langkah pencegahan HIV

Pencegahan dan pengesanan awal jangkitan HIV merupakan komponen

penting dalam tindak balas terhadap virus tersebut. Akses kepada maklumat yang tepat dan kefahaman yang betul terutama mengenai cara penularan jangkitan HIV dapat memperkasakan seseorang itu untuk mengelakkan diri daripada melakukan aktiviti-aktiviti yang berisiko tinggi. Antara langkah pencegahan HIV termasuklah menghindari aktiviti-aktiviti yang boleh menyebabkan jangkitan HIV seperti melakukan hubungan seksual rambang dan tidak terlindung serta bertukar-tukar pasangan.

Selain itu, kit ujian segera bagi HIV (*HIV rapid test*) turut disediakan di beberapa klinik swasta di negara ini di mana Kementerian Kesihatan juga memberikan jaminan bahawa segala maklumat individu yang menjalani ujian adalah dirahsiakan selaras dengan Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.

Rawatan HIV juga melibatkan pengambilan ubat antiretroviral (ARV) yang terbukti berkesan mengawal virus HIV, meningkatkan kualiti hidup pesakit serta mencegah penularan kepada orang lain dan dengan adanya rawatan konsisten, individu yang HIV positif boleh menjalani kehidupan sihat, produktif dan mempunyai jangka hayat yang setara dengan individu yang HIV negatif.

Dalam menyokong tema Sambutan Hari AIDS Sedunia pada tahun ini, marilah kita bersama-sama meningkatkan kesedaran, memperkasa serta mengambil tindakan yang bertepatan dan bersesuaian dengan amalan terbaik dalam konteks NBD dalam usaha-usaha untuk menamatkan epidemik AIDS dan bagi mereka yang mungkin berisiko dari jangkitan HIV / AIDS diharap akan dapat memanfaatkan kemudahan - kemudahan dan juga perkhidmatan yang telah disediakan, tampil untuk mendapatkan ujian awal bagi membolehkan rawatan diberikan secepatnya kerana hidup itu sesuatu yang indah untuk kita sama-sama nikmati maka sayangilah diri awda dan hargailah hidup yang diberikan kepada kita.

INDONESIA INGIN MEMPERKUKUHKAN KERJASAMA DENGAN CHINA DALAM INDUSTRI AI



JAKARTA, 5 Dis. - Indonesia sedang berusaha untuk kerjasama yang lebih kukuh dengan China bagi mempercepat pembangunan industri Kecerdasan Buatan (AI), kata seorang menteri kanan semasa Sidang Kemuncak Kerjasama Perindustrian China-Indonesia di sini pada hari Khamis.

Menteri Penyelaras Hal Ehwal Ekonomi Airlangga Hartarto berkata Indonesia kini mempunyai sekurang-kurangnya 25 syarikat baharu AI. Beliau menekankan keperluan Indonesia untuk bergerak pantas dalam membina ekosistem AInya agar kekal berdaya saing di rantau ini. Airlangga melahirkan harapan

agar syarikat AI China akan menyokong syarikat baharu ekonomi digital Indonesia, terutamanya dalam bidang pendidikan, penjagaan kesihatan, pertanian pintar dan sektor strategik lain.


Kerjasama sedemikian, katanya, juga akan membantu memperkukuh Perusahaan Kecil dan Sederhana serta membina daya tahan mereka untuk pertumbuhan masa hadapan.

Beliau menambah bahawa Indonesia merancang untuk melancarkan program AI peringkat tertinggi di 10 bandar untuk membantu golongan muda menerima pakai dan mendapat manfaat daripada teknologi baharu.

Kerjasama yang kukuh antara perniagaan Indonesia dan

China, kata Airlangga, kekal penting untuk meningkatkan kapasiti perindustrian, memperkukuh kestabilan ekonomi dan mewujudkan nilai

yang mampan untuk kedua-dua negara. - ©XINHUA



SEORANG pengunjung mengambil gambar sepasang cermin mata yang dikuasakan oleh teknologi AI semasa Persidangan dan Ekspo Transformasi Digital Indonesia 2025 di Jakarta, Indonesia, 6 Ogos 2025.

Jet pejuang F-16C terhempas di California ketika misi latihan

LOS ANGELES, 4 Dis. - Sebuah jet pejuang F-16C milik Tentera Udara Amerika Syarikat (AS) terhempas pada Rabu pagi, dan juruterbangnya sempat keluar menyelamatkan diri, lapor Xinhua.

Pada kira-kira 10.45 pagi waktu tempatan, "seorang juruterbang Thunderbirds berjaya keluar dengan selamat daripada pesawat F-16C Fighting Falcon ketika

menjalani misi latihan di ruang udara terkawal," menurut Tentera Udara AS dalam satu kenyataan.

Sarjan Tentera Udara AS Jovante Johnson dipetik oleh Los Angeles Times sebagai berkata pesawat yang terhempas itu ditugaskan kepada Thunderbirds, pasukan demonstrasi akrobatik udara yang berpangkalan di Pangkalan Tentera Udara Nellis di

Nevada.

Punca kemalangan sedang disiasat, katanya dalam e-mel kepada akhbar berkenaan.

Jabatan Bomba Daerah San Bernardino California berkata pesawat itu terhempas berhampiran China Lake, sebuah komuniti yang terletak kira-kira 270 kilometer (km) di utara pusat bandar Los Angeles. - ©BERNAMA

Senator AS cadang larang rakyat AS diberikan dwi kewarganegaraan

WASHINGTON, 3 Dis. - Senator Republikan dari Ohio, Bernie Moreno memperkenalkan Rang Undang-Undang (RUU) kepada Senat untuk melarang dwi kewarganegaraan di Amerika Syarikat (AS), lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Hari ini (Isnin), Senator Bernie Moreno (R-Ohio) memperkenalkan Akta Kewarganegaraan Eksklusif 2025 bagi menetapkan bahawa warga AS mesti mempunyai kesetiaan tunggal dan eksklusif

kepada negara itu," menurut kenyataan di laman sesawang beliau.

Menurut RUU itu, individu yang memegang kewarganegaraan dua negara mungkin menghadapi konflik kepentingan, serta persoalan mengenai kesetiaan mereka terhadap negara. Adalah dinyatakan bahawa melarang dwi kewarganegaraan adalah demi kepentingan negara AS.

Di bawah cadangan senator itu: Jika seorang warga AS

memperoleh kewarganegaraan negara lain, secara automatik kewarganegaraan AS mereka akan terlucut.

Mereka yang sudah memiliki dwi kewarganegaraan dikehendaki untuk melepaskan satu daripada kewarganegaraan mereka dalam tempoh setahun dari tarikh undang-undang itu berkuat kuasa.

Jika tidak berbuat demikian, mereka akan dianggap secara sukarela menolak kewarganegaraan AS mereka.

Trump dijangka umum calon pengerusi FED yang baharu pada awal 2026

NEW YORK, 3 Dis. - Presiden Amerika Syarikat Donald Trump berkata pada Selasa bahawa beliau akan mengumumkan pilihannya bagi pengerusi baharu Rizab Persekutuan (Federal Reserve) pada awal 2026, lapor Xinhua.

"Kami akan mengumumkan seseorang, mungkin awal tahun depan, untuk jawatan pengerusi baharu Fed," kata Trump pada mesyuarat kabinet di Rumah Putih.

Trump baru-baru ini memberi bayangan bahawa beliau telah membuat keputusan mengenai pencalonan itu. Pengarah Majlis Ekonomi Nasional Kevin Hassett, dilihat sebagai calon paling berpotensi untuk menggantikan Pengerusi Fed Jerome Powell apabila tempoh perkhidmatannya tamat Mei depan.

Sejak kembali ke Rumah Putih pada Januari lepas, Trump berulang kali mengkritik Powell kerana didakwa terlalu perlahan menurunkan kadar faedah dan turut mengancam untuk memecatnya. - ©BERNAMA

Antara rakyat Amerika yang terkenal yang memegang dwi kewarganegaraan ialah Wanita Pertama Melania Trump dan anak lelakinya bersama Presiden Donald Trump, Barron Trump,

kedua-duanya memegang passport Slovenia. Jutawan teknologi Elon Musk pula memegang kewarganegaraan AS, Afrika Selatan dan Kanada. - ©BERNAMA

Pencarian MH370 akan disambung semula pada 30 Dis ini

PUTRAJAYA, 3 Dis. - Pencarian di kawasan laut dalam bagi pesawat Malaysia Airlines Penerbangan MH370 akan disambung semula pada 30 Dis ini, menurut Kementerian Pengangkutan.

Kenyataan kementerian itu hari ini memaklumkan Ocean Infinity telah mengesahkan kepada Kerajaan Malaysia bahawa ia akan

menyambung semula operasi pencarian dasar laut selama 55 hari, yang akan dilaksanakan secara berselang-seli.

"Operasi pencarian akan memfokus kepada kawasan sasaran yang dinilai mempunyai kebarangkalian tertinggi bagi mengesan pesawat itu, selaras dengan perjanjian perkhidmatan

yang ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dan Ocean Infinity pada 25 Mac 2025," menurut kenyataan itu.

Kementerian Pengangkutan memaklumkan bahawa perkembangan terkini itu menegaskan komitmen Kerajaan Malaysia untuk memberikan penutupan kepada keluarga yang terkesan akibat tragedi

tersebut.

Pesawat itu, yang membawa 239 penumpang dan anak kapal, hilang daripada radar pada 8 Mac 2014 ketika dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Beijing.

Meskipun operasi pencarian, iaitu antara yang terbesar dalam sejarah penerbangan, telah dilakukan secara bersama oleh Malaysia, Australia

dan China, pesawat itu gagal dikesan dalam zon pencarian utama di selatan Lautan Hindi.

Sejak itu, beberapa serpihan pesawat yang disahkan atau dipercayai berasal daripada MH370 telah ditemukan di sepanjang pantai di barat Lautan Hindi termasuk Mozambique, Madagascar dan Pulau Réunion. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



SISTEM, PROTOKOL AKAN DIPERTINGKATKAN, PASTIKAN PENGALAMAN LARIAN LANCAR

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Rabu, 3 Disember. - Penganjur The Brunei Half Marathon (TBHM) 2025 merakamkan penghargaan kepada para peserta, sukarelawan, rakan strategik serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan acara berkenaan, di samping memperjelaskan isu kelewatan pelepasan Kategori Half Marathon yang menjadi perhatian orang ramai.

Sidang Media tersebut berlangsung di Dewan Juri, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, baru-baru ini.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan, penganjur acara iaitu Arrowtech Sports dan Royal Brunei Airlines (RB) bersama Jawatankuasa Penganjur menzahirkan penghargaan atas sokongan padu yang diberikan sehingga terlaksananya penganjuran bersejarah TBHM 2025 yang diadakan di atas Jambatan Sultan Haji Omar

'Ali Saifuddin (SHOAS).

Acara tersebut berjaya menarik lebih 3,000 pelari dari dalam dan luar negara, merangkumi peserta daripada lebih 28 buah negara, sekali gus menjadikannya perlumbaan malam pertama negara yang berlangsung di Jambatan SHOAS.

Menurut pihak penganjur, dakwaan tular berhubung kelewatan pelepasan larian dengan ketibaan lewat tetamu kehormat adalah tidak benar. Tetamu kehormat dilaporkan tiba di lokasi acara seawal pukul 10.00 malam, iaitu lebih awal daripada masa pelepasan rasmi yang dijadualkan.

Kenyataan itu menjelaskan bahawa kelewatan pelepasan berpunca daripada kesesakan lalu lintas di sekitar Kompleks Stadium Tertutup berikutan beberapa acara besar yang berlangsung serentak.

Situasi tersebut menjejaskan ketibaan peserta ke kawasan permulaan serta pergerakan beg peserta ke garisan penamat bagi tujuan penyusunan dan pengambilan.

Pihak penganjur mengakui cabaran logistik berkenaan dan menegaskan komitmen untuk menambah baik aspek operasi pada edisi akan datang. Mereka turut memaklumkan bahawa isu tersebut berjaya ditangani sebelum perlumbaan Kategori 10 Kilometer (km) dan 3km dimulakan, bagi memastikan kelancaran operasi bagi kategori-kategori berikutnya.

Penganjur turut merakamkan permohonan maaf atas kesulitan yang dialami para peserta dan menyatakan bahawa penilaian menyeluruh terhadap sistem operasi termasuk pengangkutan, logistik dan koordinasi di lapangan sedang giat dilaksanakan. Penambahbaikan akan dibuat bagi memastikan pengalaman larian yang lebih lancar dan berkualiti untuk edisi seterusnya.



SIDANG Media yang berlangsung di Dewan Juri, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, baru-baru ini memperjelaskan isu kelewatan pelepasan Kategori Half Marathon yang menjadi perhatian orang ramai.

Matlamat utama adalah untuk mengenal pasti kekurangan yang ada, mempelajarinya, dan memastikan isu-isu yang boleh dielakkan tidak berulang. Sistem serta protokol yang dipertingkatkan akan dilaksanakan bagi memberikan pengalaman terbaik kepada para peserta.

Dalam kenyataan sama, penganjur mengalu-alukan maklum balas daripada para pelari

dan orang ramai sebagai usaha berterusan mempertingkatkan mutu penganjuran.

Penganjur turut menzahirkan penghargaan kepada semua Kementerian, agensi kerajaan, penaja, rakan kerjasama, sukarelawan serta orang ramai atas sokongan yang diberikan dan berharap dapat terus mengalu-alukan penyertaan pada edisi TBHM yang akan datang.

GPMS FC rangkul Piala Muhibah

BERAKAS, Khamis, 4 Disember. - Kelab Bola Sepak Generasi Purih Saba (GPMS FC) menepati pilihan apabila merangkul Piala Muhibah selepas berjaya menundukkan pihak lawan BESA FC 1 - 0 pada perlawanan akhir baru-baru ini di Padang Jabatan Belia dan Sukan di sini.

Perancang tengah GPMS FC, Awang Shahrin meledakkan rembatan kencang sekali gus bola terus masuk ke dalam gawang BESA FC.

Peluang jaringan keemasan berkenaan dimanfaatkan dengan berkesan selepas bola hantaran dari kiri, ditolak keluar penjaga gawang BESA FC, Awang Haji

Mohd. Jalimin dan jatuh ke arah Awang Shahrin yang sudah bersedia, terus merembat masuk.

Kesilapan penjaga gawang BESA FC berkenaan membawa malapetaka kekalahan mereka, meskipun banyak menguasai keseluruhan permainan dan kedudukan kekal 1 - 0 hingga tamat perlawanan.

Terdahulu itu, pada perlawanan penentuan tempat ketiga, Wira Putera FC berjaya menundukkan Savilla dengan jaringan 3 - 2 melalui sepakan penalti.

Kejohanan yang dianjurkan oleh GPMS FC berkenaan adalah bersempena dengan

Berita dan Foto : Ihsan Kelab Bola Sepak Generasi Purih Saba

Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 berkenaan disertai para pemain berumur 60 tahun ke bawah.

Pengerusi GPMS FC, Awang Muhammad Soffriana bin Haji Masri menyatakan bahawa kejohanan berkenaan bertujuan untuk mengukuhkan lagi silaturahmi dalam kalangan warga Mukim Saba.

Selain itu tambahnya, melalui kejohanan berkenaan juga akan dapat meningkatkan mutu permainan bola sepak tempatan dan juga sebagai riadah menjaga kesihatan untuk kekal sihat.

Jelasnya lagi, aktiviti bola sepak berkenaan keseluruhan dapat meningkatkan silaturahmi, mengetengahkan bakat baharu serta penjagaan kesihatan melalui aktiviti kesukanan.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Yang Dipertua Persatuan Kampung Saba (PERKASA), Awang Haji Ismail bin Haji Hamdan.



KELAB Bola Sepak Generasi Purih Saba (GPMS FC) merangkul Piala Muhibah selepas berjaya menundukkan pihak lawan BESA FC pada perlawanan akhir baru-baru ini.

Tahukah Awda

HERBARIUM Negara di Pusat Perhutanan Brunei Sungai Liang, Kuala Belait kini mengumpul lebih 47,000 spesimen pokok dan tumbuhan dan berperanan sebagai pusat rujukan penting bagi kepelbagaian biologi hutan negara. Sehingga kini, Herbarium Negara menyimpan sebanyak lebih kurang 45,000 koleksi tumbuh-tumbuhan, dan ia juga merupakan Pusat Ilmiah, Pengajian dan Penyelidikan spesies hutan negara yang sering dijadikan sebagai sumber rujukan oleh para graduan, pensyarah, penyelidik dan saintis dari dalam dan luar negara.

SUMBER : forestry.gov.bn.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TANAMKAN SIKAP AMANAH, JUJUR DAN IKHLAS DALAM SETIAP TUGAS DAN PEKERJAAN